

Jilid I
Bil. 60



Hari Rabu
2hb Februari, 1972

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 6731]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1972 Jawatan-kuasa Perbekalan—

Kepala B. 56 [Ruangan 6740]

Kepala² B. 47 dan B. 48 [Ruangan 6765]

Kepala B. 39 [Ruangan 6765]

Kepala² B. 40 hingga B. 46 [Ruangan 6788]

Kepala² B. 49 hingga B. 55, B. 58 dan B. 59 [Ruangan 6801]

USUL:

Uchapan Penanggohan—

Amalan Bahasa Malaysia [Ruangan 6805]

Laporan Gaji Suffian—Kechaman Kaki-tangan Kerajaan [Ruangan 6810]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 2hb Februari, 1972

Mesnuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).

„ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

„ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

„ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).

„ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

„ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

„ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Landau).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

Yang Berhormat TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHD. YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

Yang Berhormat TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).

- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA
(Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).

- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.
(Sungei Siput).

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI
PERTANYAAN²KAWASAN² PILEHANRAYA PARLIMEN/
NEGERI—PENYUSUNAN SA-MULA

1. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan penyusunan sa-mula had sempadan kawasan² pilehanraya Parlimen dan Negeri, berapa bilangan kawasan² pilehanraya yang terlibat dalam pemecahan dengan menyatakan kawasan² pilehanraya tersebut mengikut Negeri.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ada-lah dinasehatkan mendapat satu naskhah *Warta Kerajaan Persekutuan Bilangan 4287* bertarikh 7-9-1968 untuk mengetahui jumlah kawasan² pilehanraya yang terlibat.

PROJEK² JOHOR TENGGARA/
PAHANG—ANGGARAN

2. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan projek² kaji-kemungkinan di-kawasan² Johor Tenggara dan Pahang:

- (a) berapa-kah anggaran perbelanjaan-nya dan berapa lama tempoh siap-nya; dan
- (b) Kerajaan mana yang membiayai-nya dan ada-kah Malaysia akan di-kehendaki membayar balek perbelanjaan tersebut.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, (a) Projek Johor Tenggara. Kajian-kemungkinan bagi Johor Tenggara yang memakan masa sa-lama 24 bulan dan meliputi sa-luas 750,000 ekar telah tamat dalam bulan Ogos tahun lepas dan Laporan Master Plan yang telah di-serahkan kepada Kerajaan sekarang ini sedang di-laksanakan.

Perbelanjaan seluroh-nya ia-lah \$3.7 juta. Dari jumlah ini \$1.5 juta ia-itu perbelanjaan tempatan telah di-sediakan dengan chara langsung oleh Kerajaan Malaysia. Baki-nya

sa-banyak \$2.2 juta ada-lah untuk pembayaran perkhidmatan perunding British dan alat² kelengkapan yang telah di-perolehi daripada Rancangan Bantuan khas British atau pun British Special Aid Scheme. Rancangan Bantuan British ini telah di-lancarkan dalam tahun 1968 dan berjumlah £25 juta. Dari jumlah ini £6.2 juta ada-lah grant dan sa-banyak £18.75 juta ia-lah pinjaman yang tidak di-kenakan bunga dan harus dibayar dalam tempoh 25 tahun dengan mempunyai masa pengechualian atau pun grace period sa-lama 7 tahun.

(b) Projek Pahang Tenggara. Kajian-kemungkinan yang serupa bagi Pahang Tenggara yang meliputi sa-luas 2½ juta ekar sedang berjalan pada masa ini dan di-jangka akan tamat dalam bulan Jun tahun ini. Kajian ini di-anggar memakan belanja sa-banyak \$5½ juta. Dari jumlah ini \$1.9 juta yang merupakan perbelanjaan tempatan di-sediakan dengan chara langsung oleh Kerajaan Malaysia. Baki-nya sa-banyak \$7½ juta yang di-gunakan untuk membayar perkhidmatan² perunding serta alat² kelengkapan dari Kanada ada-lah di-biaya dari pinjamaman untuk bangunan (development loan) yang di-beri oleh Kerajaan Kanada. Kadar bunga bagi pinjaman ini ia-lah 3% sa-tahun dengan pembayaran bermula dalam bulan Mach tahun 1977 dan tamat dalam bulan September tahun 1999 ia-itu dalam tempoh lebih 20 tahun.

PENJARA² BESAR DI-MALAYSIA

3. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) berapa jumlah penjara² besar di-Malaysia, tarikh di-dirikan dan jumlah banduan² di-dalam-nya sekarang;
- (b) maseh ada-kah penjara² lama yang di-dirikan sa-belum penjajahan Inggeris; dan
- (c) ada-kah rancangan hendak mendirikan penjara baharu di-Muar, Johor.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, jawapan—

(a) Jumlah penjaras² besar di-Malaysia ia-lah 9 buah: 7 di-Malaysia Barat dan 2 di-Malaysia Timor. Tarikh² penjara tersebut

di-dirikan dan jumlah banduan² di-dalam-nya sekarang ia-lah seperti berikut:

Penjara	Tahun	Ramai Banduan
Pulau Pinang ...	1849 ...	389
Taiping ...	1879 ...	571
Kuching, Sarawak	1882 ...	209
Johor Bharu ...	1883 ...	329
Alor Star ...	1893 ...	270
Kuala Lumpur ...	1895 ...	736
Seremban ...	1902 ...	216
Pengkalan Chepa	1950 ...	124
Kota Kinabalu ...	1953 ...	313

Jawapan bagi soalan (b) tidak ada dan soalan (c) tidak ada.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan banduan² yang ada di-dalam penjara kita, ada-kah betul bahawa sa-tengah daripada mereka itu di-katakan menghisap madat, dan kalau betul perkara ini ada-kah pehak Kementerian yang berkenaan akan mengambil perhatian.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham perkataan madat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Chandu!

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tidak ada, sa-tahu saya tidak ada permohonan sampama itu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak kata chandu, dia kata madat—chandu-kah atau madat?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Chandu dan madat itu sama, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa tidak kata chandu!

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Chandu dan madat. (*Ketawa*).

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah betul atau tidak Penjara Kuala Lumpur akan di-pindahkan tidak lama lagi, dan jikalau betul, bila masa-nya?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu memang betul, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang pekerjaan pun sudah di-mulakan di-Kajang dan akan memakan masa barangkali dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah benar yang bahawa Penjara Alor Star sudah lama dan burok dan oleh kerana itu-lah baharu² ini terjadi-nya 3 orang banduan telah lari keluar daripada penjara itu?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Saya sudah jawab, tahun-nya bagi Penjara Alor Star ia-lah tahun 1893. Ahli Yang Berhormat itu sendiri mengetahui-lah burok-kah atau baharu.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila-kah agaknya penjara baharu akan di-bena di-Alor Star untuk menggantikan penjara yang ada sekarang ini?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Ini dalam kajian.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak akhir ini banyak banduan² dalam penjara kita keluar—lari. Ada-kah lari-nya ini disebabkan kerjasama daripada penjaga penjara di-tempat itu dan kalau ada, ada-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ini sentiasa memerhatikan warder² ini.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain, tetapi bagi ma-aluman Yang Berhormat, tidak ada kerjasama daripada pegawai² penjara.

PEROMPAK²—MENGHAPUSKAN

4. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) apa-kah satu chara yang lebeh berkesan untuk menghapuskan perompak² di-negeri ini; dan

(b) ada-kah benar bahawa Majlis Raja² Melayu menchadangkan supaya Kerajaan mengenakan hukuman mati terhadap perompak² itu; dan jika ya, bagaimana perjalanan yang telah diambil oleh pehak Kerajaan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Chara yang berkesan untuk mengurangkan rompak² di-negara ini ia-lah dengan mengadakan Pondok² Polis di-merata² tempat di-bandar² dan luar

bandar, meronda (radio car), sekatan² jalan raya, serbuan² mengejut dan siasatan tiap² kes dengan rapi berserta dengan tindakan² di-bawah undang² Ordinan Menchegah Jenayah 13/59 dan Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Menchegah Jenayah), 1969.

- (b) Bagi menjawab soalan (b) sila lihat Akta Senjata Api (Penalty Lebeh Berat) 37/1971 yang telah pun di-binchang dan di-luluskan oleh Parlimen di-dalam persidangan-nya yang telah lepas.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa-kah Kerajaan tidak bertindak dengan tegas-nya kapada perompak² yang membawa senjata api. Baharu² ini di-Kuala Lumpur, di-Setapak, baharu sahaja kita meluluskan dalam Parlimen ini, tiap² perompak yang mambawa senjata di-hukum gantung sampai mati, tetapi sa-orang perompak yang telah menembak sa-orang Kopral CID di-Setapak hanya di-hukum 10 tahun penjara.

Tuan Yang di-Pertua: Apa-kah soalan tambahan-nya?

Tuan Hashim bin Gera: Mengapa Kerajaan tidak bertindak mengikut Undang²

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan. "Mengapa tidak buat perkara itu elok², mengapa tidak chekap lagi", itu bukan soalan tambahan.

Tuan Hashim bin Gera: Mengapa-kah Kementerian yang berkenaan tidak bertindak dengan tegas terhadap perompak yang membawa senjata?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Kementerian ini memang sentiasa mengambil berat dalam kes membawa senjata api ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan (a), Tuan Yang di-Pertua. Apa-kah chara di-fikir baik atau tidak, chara yang baik sa-kali supaya perompak² tidak merompak bank supaya ta' usah memakai senapang panjang, pakai pistol, ada-kah itu baik, atau boleh di-beri oleh Menteri itu atau tidak?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

SHARAT² PINJAMAN DARI AMERIKA

5. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan memberi nama dua orang atau ajensi dari Amerika yang menawarkan pinjaman kapada Malaysia tanpa chagaran, dan ada-kah beliau bermaksud menerima pinjaman ini untuk membiayai Ranchangan Lima Tahun Malaysia Kedua jika faedah-nya menasabah.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pinjaman² tersebut telah di-tawarkan oleh 3 pertubuhan dan oleh kerana syarat² pinjaman mereka maseh perlu di-timbang-kan maka ada-lah tidak wajar untuk menyiarkan nama² mereka pada peringkat ini. Pada masa sekarang Perbendaharaan sedang menimbangkan tawaran² tersebut dan oleh kerana itu saya maseh belum dapat memutuskan untuk menerima tawaran² tersebut.

HAULAGE PERMITS—KELEWATAN R.I.M.V.

6. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada ia sedar atau tidak akan kelewatan yang berlaku di-pejabat R.I.M.V. dalam perkara mengeluarkan "haulage permits" untuk lori² baru, dan jika sedar, apa-kah langkah² yang sedang di-ambil untuk membaiki keadaan yang burok ini yang menyebabkan kegelisahan di-kalangan penanam² modal yang mendapati susah mendapatkan kenderaan untuk memasarkan hasil² mereka.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar berkenaan dengan kelewatan itu yang di-sebabkan oleh tindakan Kementerian saya merangka satu polisi baharu berkenaan dengan sistem pengeluaran lesen² pengangkutan jalan. Dengan itu ada terdapat sedikit kelewatan dalam pengeluaran Haulage Permit untuk lori² baharu.

Sekarang ini dasar itu telah pun di-tetapan. Pindaan² juga telah di-buat kapada Ordinan Lalu Lintas Jalan, 1958 untuk membolehkan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan menimbangkan permohonan² lesen dan permit dengan lebeh chepat dari chara² yang lama. Sa-buah Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan yang baharu telah pun di-lantek untuk menimbang dan meneliti

permohonan² "Haulage Permits". Dengan ada-nya dasar dan Lembaga yang baharu itu serta pindaan² yang tersebut, saya per-chaya kelewatan² dapat di-atasi masa hadapan.

TAMBAHAN BAS—MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

7. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapa Pejabat Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta² Motor Pulau Pinang mengeluarkan lesen kepada sharikat bas untuk menjalankan lebih banyak bas melalui Jalan Boundary dan Jalan Ayer Itam.

Soalan ini ada tersilap, Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanyakan bukan issued, tetapi fasal apa tidak ada issued licences, bukan bus company tetapi Traffic Department of City Council of George Town.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jawapan Yang Berhormat ini soalan Nombor 7, saya belum jawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi dia membetulkan chara soalan itu kata dia tersilap—tentang mana silap-nya itu? Terjemahan yang di-gunakan ia-lah Bahasa Kebangsaan, terjemahan bahasa Inggeris itu tidak di-pakai.

Tuan Peter Paul Dason: Ya, saya tahu, sebab itu saya berchakap dalam bahasa Malaysia. Soalan-nya bukan beri mengeluarkan lesen kepada sharikat bas. Soalan yang saya bertanya fasal apa tidak di-beri, bukan fasal apa di-beri kepada sharikat bas, tetapi Traffic Department City Council of George Town.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pertanyaan ini Yang Berhormat bertanya apa sebab Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta² Motor Pulau Pinang membenarkan tambahan bas kepada perkhidmatan bas City Council of George Town—betul-kah begitu?

Tuan Peter Paul Dason: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kalau tidak, apa yang betul, saya tidak mahu jawab nanti. (Ketawa).

MARA—RANCHANGAN KEDAI DI-EROPAH

8. Tuan Abu Bakar bin Umar (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

(a) bila-kah MARA akan melaksanakan ranchangan-nya untuk mengadakan kedai di-kota² besar negara Eropah, untuk menjual barang² MARA dan bumiputra dan beri butir²-nya; dan

(b) apa-kah usaha MARA supaya perniagaan² bumiputra dapat berdikari dalam bidang ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, (a) ranchangan untuk mendapatkan rumah² bangunan perniagaan di-bandar² besar di-Eropah sudah pun dijalankan dan perniagaan itu akan di-jalankan apabila tempat² perniagaan itu di-perolehi.

(b) Memang keseluruhan tenaga MARA ada-lah bertujuan untuk menolong ahli² perniagaan Melayu supaya dapat berdiri di-atas kaki-nya sendiri.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Menteri yang berkenaan menyatakan dalam bandar² besar mana-kah di-Eropah itu yang telah di-dirikan bangunan² MARA atau pun perniagaan MARA?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Negeri² itu ia-lah di-Rome, Paris, London, New York, Amsterdam dan juga di-Frankfurt dalam Negeri Jerman.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-takat mana-kah sambutan orang² di-sabelah Eropah ber-sangkut-paut dengan barang² yang di-keluarkan oleh MARA di-sana?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kedai belum di-buka lagi, belum jual barang, belum tahu sambutan-nya.

LKTP—PENGELUARAN PERTANIAN

9. Tuan Abu Bakar bin Umar (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

(a) jenis dan jumlah pengeluaran hasil pertanian yang di-kendalikan oleh LKTP sejak ia di-tubuhkan; dan

- (b) bagaimana-kah sambutan pasaran terhadap hasil pengeluaran tersebut.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) (i) Getah ... 157,768,191 lbs.
 (ii) Minyak Kelapa 108,260 ton.
 Sawit
 (iii) Isi Kelapa Sawit 18,115 ton.

- (b) Sambutan terhadap pasaran kelapa sawit dan getah ada-lah baik dan "competitive".

PROJEK JALAN BESAR TIMOR/ BARAT—PERLAKSANAAN

10. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan sejauh mana-kah kejayaan yang telah di-chapai setakat ini dalam pelaksanaan projek Jalan Besar Timor/Barat yang menghubungkan Kelantan dengan Pantai Malaysia Barat. Ada-kah apa² kerumitan yang di-hadapi dalam melaksanakan projek ini, dan jika ada, apa-kah kerumitan² tersebut dan berapa lama-kah lagi projek itu akan siap.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan dalam jawapan saya ketika menjawab satu soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara daripada 66 batu jalan yang akan di-bena, 40 batu telah di-rekabentuk, dan pembenaan sedang di-jalankan di-atas sa-bahagian yang panjang-nya 10 batu. Khemah² telah pun siap dan di-duduki. Kakitangan bagi melaksanakan projek ini telah di-tambah beransor² dan ada-lah di-harap mendapat memenohi segala jawatan pada pertengahan 1972. Kesulitan yang telah di-hadapi ada-lah masaalah memenohi segala jawatan, sama ada "professional, sub-professional" dan penjaga jentera. Daripada 106 jawatan untuk jurutera² sampai hari ini hanya 46 sahaja yang sudah di-isi. Sa-lain daripada itu, Jalan Timor/Barat ini juga akan di-bena menyeberangi satu kawasan yang bergunong-ganang dan kerja² tanah yang berkenaan ada-lah sa-banyak sa-tengah hingga satu juta ela padu bagi tiap² sa-batu. Projek ini telah di-jadualkan untuk siap pada tahun 1976, tetapi segala usaha akan kita buat untuk menyiapkan lebih awal daripada itu.

SHADOW SEGMENT—MENGATASI

11. Tuan Lim Cho Hock (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bila-kah dan bagaimana Kementerian beliau akan mengatasi masaalah² dan kesusahan² guru² yang di-katakan guru "Shadow Segment".

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini bertanya bila-kah dan bagaimana Kementerian Pelajaran akan mengatasi masaalah² dan kesusahan² guru² yang di-katakan sa-bagai guru² "Shadow Segment". Akan tetapi Ahli Yang Berhormat ini tidak menyebutkan apa-kah masaalah² dan kesusahan² itu. Oleh yang demikian saya tidak dapat memberi apa² jawapan yang tepat jika sa-kira-nya beliau tidak menyebutkan masaalah² dan kesusahan² itu.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1972

Jawatan-kuasa Perbekalan

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan (1hb Februari, 1972).

Mailis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*).

JADUAL

Tuan Pengerusi: Oleh kerana sebab² yang mustahak, permintaan daripada Menteri, saya mengizinkan di-ubahkan sedikit Atoran Kepala² ini dan sekarang Kepala B. 56—Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am.

Kepala B. 56—

Menteri Kebajikan Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Dato' Pengerusi, saya pohon menchadangkan perbelanjaan yang terchatet di-bawah Kepala B. 56 berjumlah \$7,742,800 di-luluskan.

Ada pun dasar dan tujuan Kementerian Kebajikan 'Am ia-lah bagi memajukan serta memperbaiki keadaan hidup ra'ayat jelata dalam bidang² ekonomi dan kemasharakatan.

Supaya tujuan ini tercapai, Jabatan Kebajikan Masyarakat ada-lah bertanggung-jawab bagi mengadakan teknik² dan perkhidmatan tertentu, supaya keperluan bagi sa-saorang, kumpulan- dan kaum masyarakat dapat di-penuhi dan di-samping itu juga, menolong menyelesaikan masalah² mereka tentang menyesuaikan diri terhadap corak bentuk masyarakat yang sentiasa berubah². Dengan chara tindakan bekerja sama di-semua peringkat sama ada bagi pihak Kerajaan mahu pun swasta, maka dapat-lah kita memperbaiki taraf hidup serta keadaan ekonomi dan masyarakat mereka.

Kementerian saya sentiasa mengubah chara² pelaksanaan perkhidmatan-nya untuk menyesuaikan dengan keadaan yang sentiasa berubah² di-negeri kita ini.

Mula daripada bulan Januari 1972, perkhidmatan di-Kementerian saya telah disusun sa-mula kepada lima jenis, ia-itu (i) Perkhidmatan Pencegah dan Pembangunan; (ii) Perkhidmatan Jagaan Keluarga dan Kanak² (iii) Perkhidmatan Pemulihan Am; (iv) Perkhidmatan Pemulihan Akhlak; dan (v) Perkhidmatan Pentadbiran Am. Ada-lah di-harapkan bahawa susunan sa-mula ini akan membolehkan Kementerian saya memainkan peranan yang lebih berkesan untuk menjayakan Rancangan Malaysia Yang Kedua. Dalam hal ini Kementerian saya akan terus membantu mereka² yang kurang bernasib baik, bagi mendapatkan peluang² di-bawah Rancangan tersebut untuk memperbaiki diri mereka. Pertolongan di-berikan kepada mereka yang miskin, yang berkeperluan, yang kurang bernasib baik, dan juga yang chachat, supaya mereka akan menjadi ra'ayat yang berguna dan produktif dan bukan-nya sa-bagai bebanan atas ekonomi negara. Ada-lah di-harapkan chara ini akan menolong mencegah keruntuhan dan kesengsaraan masyarakat.

Dato' Pengerusi, saya minta Dewan ini membenarkan saya menerangkan dengan saberapa ringkas aliran dasar yang telah diikuti dalam tahun 1971, yang akan di-teruskan dalam tahun 1972 ini.

Pertama, kami akan terus mengambil tanggung-jawab dalam pemulihan akhlak wanita atau gadis yang terdedah kepada bahaya moral. Bagi maksud ini, pembenaan dua buah Pusat Perlindungan Wanita dan

Gadis akan di-mulakan dalam tahun 1972 untuk memberi latihan dan pemulihan kepada mereka, supaya mereka dapat mengambil tempat yang sewajar-nya di-dalam masyarakat.

Kedua, perkhidmatan baharu telah di-mulakan untuk faedah pesakit² merana. Sa-buah yayasan telah siap di-bena di-Bukit Mertajam dalam tahun 1971 untuk 320 orang pesakit² merana tersebut. Yayasan ini akan memberi kemudahan rawatan, perubatan dan jagaan kepada mereka. Terdahulu daripada ini mereka di-rawat di-hospital². Pemindahan mereka itu ka-Yayasan ini akan melegakan tempat² dalam hospital untuk pesakit² lain. Dengan ada-nya yayasan baharu seperti yayasan ini, maka perbelanjaan Kementerian saya telah bertambah lagi.

Ketiga, dalam lapangan memberi latihan² bagi mendapatkan pekerjaan, peruntukan bagi bantuan am telah di-gunakan juga untuk memberi latihan kepada mereka yang kurang bernasib baik yang bergantung kepada bantuan ini, supaya mereka dapat bekerja dan berdiri di-atas kaki sendiri. Dalam perkhidmatan bagi orang² chachat, kemudahan² akan di-tambahkan lagi supaya lebih ramai orang chachat dapat bekerja, baik sa-chara terlindung atau pun tidak. Oleh itu, lebih banyak lagi bengkel² terlindung akan di-adakan. Dalam usaha bagi memperbaiki perkhidmatan pemulihan akhlak untuk budak² nakal pula, ranchangan² latihan di-sekolah akhlak akan di-perluaskan lagi, supaya mereka itu akan dapat bekerja dan mencheborkan diri dalam masyarakat. Sa-buah sekolah akhlak baharu untuk budak laki² akan di-bena di-negeri Pahang dalam tahun ini. Sekolah ini akan menitekberatkan latihan² atas perkara² yang berkaitan dengan luar bandar dan pertanian.

Keempat, chara² memberi jagaan kepada kanak² yang berkeperluan bukan sahaja akan terhad di-dalam yayasan², bahkan juga di-rumah mereka masing². Satu ranchangan di-mana bantuan di-beri kepada kanak² yang berkeperluan dan tinggal di-rumah² mereka sendiri, telah berjalan sejak tahun 1971. Dari segi mengelakkan perpechahan keluarga dengan sebab kemiskinan, ranchangan ini amat berkesan. Oleh yang demikian, maka perbelanjaan di-bawah ranchangan ini terpaksa bertambah lagi.

Kelima, Kementerian saya akan bekerjasama dengan lain² Kementerian dalam usaha² seperti yang terkandung dalam perkhidmatan dan rancangan masing² untuk memperbaiki taraf hidup ra'ayat jelata. Kementerian saya telah memberi kerjasama kepada Biro Bantuan Guaman dengan chara pegawai² saya menentukan kelayakan mereka yang meminta bantuan guaman perchuma. Kementerian saya juga telah meminjamkan pegawai² dalam urusan Kempen Kebangsaan Kawalan T.B. Pegawai Kementerian saya juga telah menyertai kursus Latehan Peranchangan Keluarga supaya mereka boleh faham peranan mereka dengan teliti-nya dalam usaha mendorong orang ramai menerima peranchangan keluarga. Pegawai Kebajikan Masharakat telah juga mengambil bahagian chergas dalam projek² memindahkan setingan² dan keluarga² mereka kepada rancangan² rumah murah. Oleh itu, pegawai² perlu ditambah bukan sahaja bagi melaksanakan tugas² ini bahkan juga untuk menitekberatkan perkhidmatan peranchangan dalam lapangan perkhidmatan kebajikan masharakat.

Berbalek kepada Peranggaran ini, jumlah perbekalan bagi tahun ini lebih daripada perbekalan tahun 1971 sa-banyak \$448,004. Sebab²-nya ada-lah seperti berikut:

Gaji: Perbekalan tahun ini lebih daripada perbekalan tahun 1971 sa-banyak \$126,035. Ini di-sebabkan oleh gaji dan lain² elaun telah bertambah mengikut gaji Suffian, dan juga 73 jawatan² tambahan perlu di-adakan.

Lain² Perbelanjaan tidak termasuk Gaji.

Perjalanan dan Pengangkutan Orang: Kenaikan gaji dan bertambah-nya kaki-tangan itu telah menyebabkan elaun perjalanan juga bertambah. Oleh itu, saya pohon tambahan sa-banyak \$17,058 lebih daripada bekalan 1971 di-bawah Kepala ini bagi tahun 1972.

Kemudahan Perhubungan: Perbekalan \$5,800 lebih daripada perbekalan tahun 1971 itu ada-lah di-sebabkan oleh kenaikan bayaran sewa talipon dan bertambah banyaknya kegunaan talipon dalam tahun ini.

Sewa: Tambahan sa-banyak \$250 lebih daripada perbekalan bagi tahun 1971 di-pinta untuk membayar chukai tanah bagi Rumah Pesakit² Merana di-Pulau Pinang.

Perkhidmatan Perchetakan: Tambahan kechil sa-banyak \$200 daripada perbekalan 1971 di-pohon untuk perchetakan bagi Rumah Pesakit² Merana yang baharu di-Pulau Pinang.

Bekalan² dan Bahan² Perbekalan bagi tahun ini lebih sa-banyak \$158,433 daripada perbekalan tahun 1971. Sa-jumlah \$120,000 daripada wang tambahan ini ia-lah untuk perbekalan bagi Rumah Pesakit² Merana di-Pulau Pinang yang telah siap di-bena pada akhir tahun 1971. Yang baki-nya sa-banyak \$38,433 itu untuk perbelanjaan tambahan bagi membeli barang² seperti pakaian seragam untuk kaki-tangan, bahan setor dan wokshop, bahan² makanan untuk yayasan² dan lain² kelengkapan bagi yayasan².

Perkhidmatan Pelbagai: Perbekalan tahun ini lebih daripada perbekalan tahun 1971 sa-banyak \$121,233 dan \$88,000 daripada jumlah ini ia-lah tambahan bagi perkhidmatan jagaan kanak² yang berkeperluan yang di-sebutkan tadi. Dalam tahun 1971 sa-ramai lebih kurang 900 kanak² yang kebanyakannya terdiri daripada anak² di-luar bandar yang tinggal bersama² keluarga mereka, telah di-berikan bantuan sa-banyak \$90,000. Maka dengan tambahan sa-banyak \$88,000 ini, lebih kurang 900 orang lagi kanak² yang miskin akan dapat di-beri bantuan di-bawah rancangan ini, dalam tahun 1972. Baki yang berjumlah \$33,233 itu untuk perbelanjaan lain² di-bawah Kepala ini yang bertambah.

Pemberian, Subsidi dan Charum²: Tambahan sa-banyak \$38,920 daripada perbekalan tahun 1971 itu di-pinta untuk bantuan kepada keluarga² orang² dalam tahanan, yang di-jangka akan bertambah.

Dato' Pengerusi, saya mohon menchadangkan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh²-nya di-atas perbelanjaan ini. Tetapi ra'ayat yang miskin, ra'ayat yang melarat oleh kerana harga getah, oleh kerana harga barang² yang mahal, penduduk² kampung pada hari ini oleh kerana kedua² perkara ini telah menderita dan lebih menderita lagi. Dengan sebab itu saya berharap oleh kerana orang² kampung tadi harapan mereka terutama sakali orang² kampung yang miskin di-luar bandar harapan mereka ada-lah kepada

Pejabat Kebajikan Masharakat untuk menolong mereka, tetapi di-dalam satu² daerah ada mempunyai Kebajikan Daerah nama-nya. Sunggoh pun Kebajikan Daerah ini tidak ada 100% di-pegang oleh Kementerian, tetapi ada sangkut paut-nya dengan Kementerian Kebajikan Masharakat. Jikalau di-tengok bagaimana keadaan orang² kampung tiap² bulan pergi ka-Pejabat² Daerah meminta pertolongan yang telah di-tetapkan sa-banyak \$10 atau \$15 sa-bulan. Kalau sa-kali datang, Tuan Pengerusi, tidak dapat lagi, dua kali datang ta' dapat, tiga kali datang belum tahu. Tambang kalau-lah \$15 sa-bulan tambang-nya sa-kurang²-nya \$5 kadang² orang ini jalan kaki daripada kampung-nya di-Jeram sampai ka-Kajang, barangkali perkara ini tidak dengar ka-telinga Menteri yang bertanggung-jawab tetapi perkara ini di-adukan kepada Waki² Ra'ayat. Jadi, saya harap, ini bukan-lah datang daripada saya dan saya bukan-lah menchercha Menteri itu, tetapi ini ada-lah tegoran dari hati ka-hati saya supaya perkara ini jangan berlaku dan berulang lagi, terutama sa-kali penduduk² Tanah Melayu ini sama ada dia orang Melayu, orang China atau orang India sa-bagai warganegara negeri ini, mereka telah berkhidmat, sunggoh pun mereka ini bukan-nya pegawai² Kerajaan tetapi mereka yang bekerja di-estate, mereka juga telah membena negeri ini dan bekerja untuk negara. Mereka yang bersawah padi bekerja dari pagi sampai ka-petang, panas atau hujan mereka juga telah membena negeri ini bagitu juga yang bekerja di-lombong dan sa-bagai-nya.

Tetapi apa boleh buat mereka terus dan terus miskin dan mereka ini berkehendakkan daripada Kementerian Kebajikan Masharakat pertolongan² dan di-harap Kementerian yang bertanggung-jawab itu memberi pertolongan² dengan sa-berapa segera kepada mereka.

Berkenaan dengan rumah anak² chachat, saya telah di-datangi oleh orang supaya anak dia di-masokkan ka-sekolah chachat. Saya tengok, saya pergi satu tempat nama-nya Puchong. Saya telah pergi ka-sana menengok budak ini. Budak ini sudah dekat 8 tahun umur-nya, maseh merangkak lagi. Ibu bapa-nya juga miskin. Ibu bapa-nya ta' mahu lagi anak ini, sebab hendak menanggung anak-nya makan dan anak ini tidak boleh di-apa²kan sebab hendak buang ayer

melambak² di-dalam rumah dan ibu bapa-nya barangkali sudah benchi kapada anak-nya. Dia hendak memberikan anak-nya itu kapada Kerajaan. Berulang kali saya telah beritahu kapada Pejabat Kebajikan Masharakat, tetapi kata-nya ta' boleh di-ambil. Apa sebab tidak boleh di-ambil? Kata-nya rumah di-Johor itu tidak ada kosong. Tiga bulan tidak ada kosong, enam bulan tidak ada kosong, sa-tahun tidak ada kosong, dua tahun ta' ada kosong. Jadi bila kosong-nya? Budak ini barangkali terus mati bagitu sahaja. Jadi saya harap kapada Kementerian yang bertanggung-jawab untuk mendirikan banyak lagi rumah² chachat. Bukan satu, budak ini sahaja, saya ingat, beberapa banyak lagi budak² chachat saperti ini nasib-nya sa-rupa dengan anak ini.

Berkenaan dengan Rumah Orang² Tua, rumah orang² tua yang ada berduit, barangkali anak-nya bekerja, ada berpangkat, berharta ta' apa-lah. Tetapi orang² tua yang telah berjasa untuk negeri kita baik pun penoreh getah atau pun buroh biasa tetapi telah berkorban diri untuk menjayakan negeri kita ini. Mereka ini dudok di-rumah orang² tua ini. Kayu ini-lah ada tiga empat keping. itu-lah di-beri untuk dia tidor. Selimut-nya, kalau kita tengok, selimut hitam, tidak berguna. Jadi saya ada pergi menengok dan melawat tempat orang tua ini. Bukan dia ta' hendak tilam. Sa-tengah²-nya mengatakan memang orang² tua ini dia miskin, dia tidak suka, oleh kerana dia lagi suka tidor di-atas papan ini. Mana manusia ta' suka tempat yang lembek, tempat yang sedap?

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Pengerusi, saya hendak tahu Rumah Orang² Tua yang mana?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Jadi dengan sebab itu

Tuan Pengerusi: Rumah Orang² Tua yang mana?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Di-Titi nama-nya, ia-itu di-Jelebu. Jadi saya harap kapada Menteri yang bertanggung-jawab tiap² Rumah Orang² Tua ini di-tengokkan supaya orang² itu di-pelihara, bukan lama hidup-nya barangkali orang tua ini dua tiga tahun lagi mati, tetapi ta' tahu-lah, Tuan Pengerusi, barangkali Tuhan beri dia umur lebeh panjang. Jikalau umur dia lebeh panjang lagi, bela-lah dia sampai dia mati. Lain ta' ada apa². Itu sahaja-lah.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): Minta izin, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh beri izin. Chuba berchakap dalam Bahasa Kebangsaan!

Tuan Lim Cho Hock: Beri lagi satu kali.

Tuan Pengerusi: Chuba berchakap dalam Bahasa Kebangsaan. Beri saya dengar, saya ta' tahu. Tahu-kah berchakap Bahasa Kebangsaan atau tidak, saya belum tahu lagi.

Tuan Lim Cho Hock: Saya hendak berchakap sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Sadikit lagi elok berchakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Pengerusi, ta' boleh, minta izin.

Tuan Pengerusi: Ta' boleh, beri orang yang boleh.

Tuan Lim Cho Hock: Saya chuba. Tiket² Social Welfare yang belum di-jual, kita tahu, Menteri ada ambil balek. Surat² khabar ada menerangkan berkali² Social Welfare sudah dapat banyak prize—hadiah; Social Welfare tiket sudah jual di-State of Perak, di-Penang atau Selangor. Saya sendiri tahu tiket² itu ada di-beri kepada ajen² untuk menjual-nya begitu juga di-Post Office pun ada jual kepada orang ramai. Kalau nombor itu sudah dapat, kalau nombor tiket itu belum di-jual lagi, saya mahu tahu dari Kementerian, ada-kah atau tidak dapat balek hadiah itu.

Lagi satu, saya ta' berpuas hati kepada Kementerian ini sampai sekarang, kalau kita pergi ka-pekan atau di-luar bandar, kita tengok ada banyak beggars, banyak orang jaga kereta dan ada banyak orang² gila sedikit. (*Ketawa*). Ya, betul. Di-Ipoh saya sendiri ada tengok dua orang lelaki mereka berjalan ka-sana ka-sini. Orang² itu, saya harap Kementerian boleh menangkap-nya, taroh satu tempat, tolong kepada mereka.

Sekarang harga barang² naik sangat tinggi. Orang² di-Kampong Baharu dan di-luar bandar sangat susah, gaji tidak cukup. Sekarang ini mereka tidak boleh membayar buku² untuk anak²-nya. Saya harap Kementerian ini boleh menolong sedikit supaya orang² itu dapat membeli buku² sekolah. Di-negara kita ini ada society,

Society for the Prevention of Cruelty to Animals. Ada dua tiga di-negara kita. Saya harap Menteri boleh menolong kepada society itu satu bulan-kah, satu tahun-kah sa-banyak \$1,000 atau \$2,000 kerana society ini ada menolong orang ramai terutama anjing², kucing, kalau di-dapati dia berjalan², orang² akan menangkap-nya dan beri dia mati. Ini tidak-lah baik. Di-market ada orang potong pork, potong ular, potong tortoise, itu tidak ada guna. Kementerian hendak-lah menimbangkan masalaah² itu.

There must be a humane method of killing animals. So I hope the Social Welfare Department will look into this. For instance, in the markets animals are slaughtered like nobody's business and that is causing hardship to the animals (*Ketawa*); Sir, this is not a laughing matter; this is a serious matter because in advanced countries this social matter is very important.

Dan sekarang kita pun tahu pengangguran, the unemployment rate is very high, sangat tinggi. Bagi negara² advanced ada unemployment benefits. Jikalau kita tidak ada, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh timbangkan hal itu. Unemployment benefits are quite well known and implemented, very well implemented in other countries like the United States of America.

Tuan Pengerusi: Fasal apa apabila berchakap dengan saya menggunakan bahasa Inggeris?

Tuan Lim Cho Hock: I just repeat only (*Ketawa*). Saya harap Kementerian boleh timbangkan masalaah² ini. Terima kasih.

Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan): Tuan Pengerusi, saya menyokong perbelanjaan Kementerian ini dan ini-lah saya rasa satu Kementerian yang patut mendapat belanja yang lebih kerana Kementerian Kebajikan Masyarakat ada menjalankan kerja yang menguntongkan orang² miskin di-dalam negeri kita dan juga, Tuan Pengerusi, saya suka menguchapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am dan juga Kementerian-nya kerana menjalankan tugas-nya dengan baik. Apabila saya membawa satu perkara berkenaan dengan bantuan yang tidak mencukupi di-Pulau Pinang, Kementerian yang berkenaan telah mengambil tindakan dengan segera dan orang² miskin di-sana mendapat bantuan yang di-tambahkan itu.

Dan lagi, Tuan Pengerusi, saya suka berchakap sedikit atas perkara bantuan buku². Bantuan buku² kepada murid² sekolah ada di-proseskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, tetapi, Tuan Pengerusi, terlampau lewat, the delays, very long delays; terlampau lewat, terlampau lambat. Seperti sekarang, sudah bulan Februari, tetapi tidak dapat bantuan lagi. Tuan Pengerusi tentu tahu bahawa sa-bulan pelajaran sudah hilang. Kalau pelajaran yang sa-bulan itu telah hilang, foundation-nya tentu sudah tidak ada. Mereka akan menjadi bodoh dan cannot catch up. Sebagai sa-orang yang biasa menjadi guru, saya tahu bahawa sa-orang murid yang ketinggalan pelajaran pada satu hari sudah tentu tidak dapat mengikuti pelajaran pada hari yang berikut-nya. Oleh itu, saya haraplah pegawai² dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh mengambil tindakan yang baik dan sa-belum sekolah² di-tutup. Apabila peperiksaan sudah habis atau pun dalam bulan Disember, boleh juga pegawai² meminta tiap² sekolah memberikan laporan, atau permintaan dari sekolah² itu untuk buku² dan pada bulan Januari, apabila sekolah di-buka dan apabila murid² balek ka-sekolah, mereka tetap boleh dapat—permintaan itu sudah di-luluskan dan mereka boleh dapat buku dan bersama² dengan murid², anak², orang² kaya, anak² orang miskin juga boleh belajar sama.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu kaki-tangan² di-Pejabat Kebajikan Masyarakat di-daerah² kita tidak mencukupi. Sa-orang sahaja pegawai yang ada bagi beberapa buah daerah. Hanya sa-orang pegawai itu yang kena siasat, kena pergi ka-tempat masing², memberi bantuan itu dan apabila ia-nya telah keluar tidak ada siapa pun dalam pejabat itu. Ada juga seperti kata Yang Berhormat itu apabila pegawai itu sudah keluar, orang kampung datang ka-pejabat tersebut mencari pegawai yang berkenaan. Beberapa kali mereka terpaksa berulang-alek ka-pejabat tersebut untuk mendapatkan \$10 atau \$15 sahaja. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh mengadakan kaki-tangan yang lebih untuk tiap² daerah dan saya harap juga-lah Kerajaan pun boleh timbangkan perkara ini sedikit. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dongun): Dato' Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam membahathkan B. 56

ini, ia-itu Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am. Dato' Pengerusi, saya sungguh bersetuju dengan Kementerian Kebajikan Am ini kerana Kementerian ini memang-lah kerja-nya untuk memberi bantuan kepada orang ramai. Jadi, memang menjadi kebiasaan kalau memberi bantuan ini ramai orang yang bersetuju.

Dato' Pengerusi, apa yang saya ingin menyebutkan ia-lah tentang bantuan kepada orang² chachat harus di-selenggarakan dengan lebih berkesan, ia-itu dengan meminta atau pun mengambil orang² chachat ini di-tempatkan di-tempat yang khas, yang telah di-sediakan atau pun yang di-sediakan oleh pihak Kementerian ini, di-mana² yang di-fikirkan perlu. Kerana apa yang saya sebutkan di-sini ia-lah sa-telah saya melihat sa-hingga ini, sa-hingga sekarang ini masih terdapat di-mana², di-tengah² jalan dan di-tepi² panggong wayang, atau pun di-tepi² masjid, dekat pasar masih ada banyak lagi orang² chachat yang meminta sedekah, yang duduk merayau² meminta sedekah ka-sana sini. Sedangkan apa yang saya dengar pihak Kementerian ini meminta dan berchakap² fasal menempatkan orang² chachat ini, atau pun orang² chedera anggota-nya untuk di-tempatkan ka-satu tempat.

Saya melihat dalam keterangan yang diberikan dalam buku yang di-bentangkan di-Dewan ini bahawa kebanyakan orang² chachat ini ada-lah di-pelihara dengan chara yang payah-lah sedikit untuk memasoki tempat itu. Jadi, saya harap pihak Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am mengambil perhatian ini agar tidak-lah timbul, atau pun kesedapan hati di-kalangan orang ramai tentang negeri kita ini, yang khabar²-nya senang sangat, tetapi banyak juga orang² yang meminta sedekah di-sini.

Jadi, dari suatu sudut memang meminta sedekah itu ada-lah tidak sa-baik²-nya, tetapi kita yang hendak memberi sedekah ada-lah sa-baik²-nya, chuma chara meminta sedekah di-sini, di-tepi² jalan itu tidak sesuai dengan keadaan yang ada sekarang, tambahan pula ada-nya Kementerian yang bertanggung-jawab dalam hal yang tersebut.

Dato' Pengerusi, perkara kedua yang ingin saya sebutkan ia-lah bantuan kepada orang tua. Sa-hingga ini bantuan kepada orang tua ada di-beri dengan dua chara, ia-itu pertama dengan menempatkan orang² tua di-rumah²

yang di-sediakan oleh pihak Kementerian. Yang kedua, ia-lah dengan chara memberi bantuan sedikit², ia-itu \$10 atau pun \$5 kepada orang² tua yang miskin. Saya setuju dengan chara yang di-buat itu, chuma saya hendak sebutkan di-sini ia-lah menempatkan orang² tua di-rumah yang di-tentukan oleh Kerajaan itu nampak-nya kurang memuaskan.

Apa-tah lagi kalau orang² Melayu, nampak-nya sambutan tidak begitu baik. Saya rasa tentu ini ada kesulitan atau pun satu problem yang ada dalam menyelenggarakan Rumah Orang Tua ini. Saya menerima pengaduan bahawa ada sa-tengah² tempat itu kadang² tidak memuaskan tentang layanan, kadang² tidak memuaskan tempat makan dan sa-bagai-nya. Jadi perkara ini memang tidak baik. Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am mengambil perhatian, tambahan pula chara memberi bantuan \$10 atau pun \$15 bagi sa-orang berbanding dengan chara menempatkan orang tua di-satu rumah yang di-sediakan oleh pihak Kementerian, maka menempatkan mereka di-rumah yang di-tetapkan oleh Kementerian itu ada-lah lebih baik, dengan sebab penyelenggaraan atau service-nya boleh di-buat dari satu masa kasamasa, tetapi sa-hingga hari ini, itu tidak begitu maju. Saya harap akan mendapat perhatian.

Kedua-nya, dalam hal bantuan kepada orang tua tadi, saya rasa dengan ikhsan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya \$10 yang di-beri itu sedikit sangat, kalau boleh biar-lah \$15, biar di-tetapkan lebih, jangan seperti yang ada \$10. Kerana \$10 itu, Tuan Pengerusi, tak dapat hendak buat apa dan sekarang ini sa-lama sa-bulan hendak beli beras pun ta' boleh. Walau pun, saya perchaya, mungkin Yang Berhormat Menteri akan menjawab "ini bantuan sedikit sahaja", memang betul "sedikit", tetapi banyak orang² kita ini yang miskin, memang miskin sungguh, sebab kita sa-bagai sa-orang Ahli Dewan atau Wakil Ra'ayat tahu akan hal ini dan memang kalau di-katakan miskin itu miskin sungguh. Dan lagi lambat pula bantuan itu di-dapati. Kadang² pihak Pegawai di-daerah membuat laporan kepada Negeri, dan Negeri hantar ka-Pusat. Jadi untuk mendapat jawapan itu lambat sa-hingga sampai 3 bulan, kadang² hingga 4 bulan. Jadi perkara ini, saya rasa, sa-baik²-nya jangan lambat, biar chepat pergi—kalau

sudah di-sahkan oleh Pegawai Kebajikan Daerah, mengatakan bahawa orang ini memang berhak sungguh², maka baik-lah di-beri bantuan kepada mereka dengan sa-berapa segera.

Sa-lain daripada itu, apa yang saya ingatkan ia-lah tentang ada sa-tengah² orang tua yang tidak dapat menerima bantuan daripada pihak Kementerian. Ini di-sebabkan kata-nya anak-nya itu sa-orang pegawai Kerajaan sa-umpama kerani atau sa-bagai-nya. Tetapi emak-nya itu memberitahu kepada Pegawai Kebajikan Daerah mengatakan bahawa, "Betul-lah bahawa anak saya bekerja sa-bagai kerani, tetapi saya dengan anak saya ini memang ta' sesuai. Jadi dengan sebab anak saya, walau pun anak saya, tetapi dia ta' beri bantuan, dia ta' mahu beri bantuan." Jadi perkara sa-macam ini harus-lah diambil perhatian sebab banyak juga orang yang tidak mengingatkan jasa emak-nya atau pun bapa-nya yang telah tua, sedangkan dia berpendapatan \$300-\$400 sa-bulan. Jadi dari segi keadaan yang ada sekarang memang payah untuk mendapat bantuan dengan alasan anak-nya sa-orang pegawai.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian dalam hal ini supaya orang yang ada berkeadaan seperti itu terus di-beri bantuan. Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Chukop 10 minit!

Tuan T. S. Gabriel (Pulau Pinang Selatan): Tuan Pengerusi, saya menyokong belanjawan Kementerian Kebajikan Masharakat, akan tetapi saya suka berchakap sedikit, ia-itu perkara yang pertama apabila sa-saorang membuat permohonan minta pertolongan daripada Pejabat Kebajikan Masharakat kadang² langsung tidak ada mendapat apa² jawapan. Jika dapat jawapan pun dalam tempoh 6 bulan, kadang² saya sendiri sa-bagai Wakil Ra'ayat—pernah saya pergi ka-rumah orang² yang miskin yang ingin mendapatkan pertolongan itu, saya ambil particulars-nya, saya sendiri tulis, tidak mendapat apa² jawapan. Saya pun hairan, kalau sa-orang Ahli Parlimen menulis ta' dapat jawapan, saya pun ta' tahu-lah macham mana sa-orang miskin sa-orang daripada "man in the street" boleh mendapat jawapan daripada Kementerian ini. Di-harap Kementerian ini akan ambil tahu perkara ini dengan sa-wajar-nya.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, perkara bantuan yang dapat di-berikan pada sekarang \$10 atau \$15, bukan selalu-nya dapat bantuan pada tiap² bulan. Kadang² tiga empat bulan sa-kali dengan chara sangat susah. Saya ber-setuju dengan Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Selangor yang mengatakan berapa puluh kali sa-orang itu terpaksa pergi, tetapi dalam tempoh tiga empat bulan baharu bantuan \$15 atau \$10 itu di-dapati.

Tuan Pengerusi, dalam kawasan saya di-Pulau Pinang Selatan ada beberapa perkara yang telah berlaku ia-itu bantuan \$10 itu sudah kurang menjadi \$5 dan daripada \$15 di-kurangkan menjadi \$10. Bila saya bawa orang yang menerima bantuan itu kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat, Ketua Pejabat Kebajikan Masyarakat mengatakan: No fund—tidak ada wang. Saya kata, tutuplah pejabat, kalau ta' ada wang, kalau hanya \$5 atau \$10 lebih baik kita tutup pejabat ini.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, di-Balik Pulau ada sa-orang sahaja Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat. Kawasan-nya sangat luas. Dia di-kehendaki menjaga kawasan yang luas sangat, ia-itu Balik Pulau dan Bayan Lepas. Dan saya minta supaya Kementerian menambah sa-orang untuk menjalankan tugas dengan chepat. Saya menyokong peruntukan ini. Terima kasih.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian sedikit dalam B. 56 ini. Pertama saya menyokong peruntukan yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri. Yang kedua, saya ingin menarik perhatian kepada Perkhidmatan Pemulehan Akhlak. Sa-jauh ini, saya nampak pehak Kementerian ini mengenai dengan soal pelachoran, menumpukan perkhidmatan-nya untuk memulehkan akhlak kaum wanita sahaja, sedangkan didalam soal pelachoran itu mesti ada kait-mengait antara lelaki dengan perempuan, Tuan Pengerusi. Jadi dengan sebab itu saya fikir sa-lain daripada kita mengadakan ranchangan untuk memulehkan akhlak kaum wanita, maka tentu-lah pelanggan-nya juga perlu di-pulehkan akhlak-nya. Sebab saya ibaratkan perempuan² lachor itu, Tuan Pengerusi, sama-lah seperti sa-buah kedai dan kedai itu tidak akan maju kalau tidak ada pelanggan²-nya. Jadi pelanggan dan pembeli ia-lah laki². Jadi, Tuan Pengerusi, kedua²-nya mustahak di-perbaiki perangainya, kalau tidak hanya-lah dari jurusan

wanita sahaja di-perbaiki keadaan akhlak-nya, maka sudah tentu tidak terjamin keselamatan dalam soal pelachoran ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya berchakap rengkas sahaja. Saya menguchapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan ia-itu sa-orang wanita yang ada dalam Kabinet Kerajaan kita pada masa sekarang. Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong anggaran yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu dan saya minta supaya Kerajaan menambah peruntukan Kementerian ini, sebab Kementerian yang berkenaan membuat kebajikan pada seluruh lapisan ra'ayat terutama sa-kali ra'ayat yang menderita dan dengan ada-nya Kementerian ini menyusun semula dan banyak kemajuan²-nya yang di-perolehi daripada Kementerian ini, patut Kerajaan menambahkan lagi peruntukan-nya.

Saya hendak berchakap, Tuan Pengerusi, dalam masaalah usaha Kementerian ini yang telah membuat bengkel kepada orang² yang chachat sama ada di-Rumah Orang² Chachat atau pun di-luar Rumah Orang² Chachat diadakan bengkel. Bengkel pertukangan tangan, sama ada tukang kayu atau lain² kepada orang chachat.

Usaha ini, Tuan Pengerusi, sangat berkesan. Mutu buatan orang² chachat, orang buta sama dengan mutu buatan orang² tidak chachat. Apa yang saya harapkan supaya hidup mereka ini berdiri di-atas kaki-nya sendiri. Tiap² Kementerian hendak-lah memberikan kerjasama dengan Kementerian ini. Segala perabut² yang di-keluarkan oleh Kementerian ini hendak-lah di-beli oleh tiap² Kementerian, oleh Kerajaan, termasuk firma² juga dalam kilang². Umpama-nya, saya shor-kan, Tuan Pengerusi, di-kawasan saya sana sa-buah kawasan hutan rotan yang di-ambil di-berikan kepada orang buta, orang chachat, suroh mereka buat bakol, suroh mereka buat pongkes dan bakol mereka itu sama taraf-nya dengan bakol yang di-keluarkan di-pasar biasa. Dan bakol ini, Tuan Pengerusi, kita boleh jualkan kepada ladang L.K.T.P. Dengan ini chara tidak langsung boleh mem-baikkan Kementerian ini dan juga orang² yang chachat.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, termasuk orang yang hendak di-puleh akhlak. Kalau di-ajar mereka menjahit, mutu jahitan itu sama

dengan orang yang tidak rosak akhlak-nya. Jadi dengan keadaan ini segala Jabatan² Kerajaan yang menghendakkan jahitan boleh kita berikan kepada orang ini. Ini kita beri keutamaan kepada orang yang susah nasib-nya. Itu sa-baik² patut Kerajaan beri perhatian.

Saya menyokong, Tuan Pengerusi, berbong dengan kelambatan memberi bantuan buku pada murid² sekolah. Ini sulit-nya, Tuan Pengerusi, saya tahu sebab Kementerian ini tidak dapat kerjasama yang rapat dengan Jabatan Kebajikan perengkat Negeri. Oleh itu, saya harap Kementerian ini dengan Kerajaan Negeri hendaklah bekerjasama rapat dengan menyalorkan bantuan² kepada anak² kita dan di-beri lebeh awal, bagaimana yang di-katakan oleh rakan² sejawat saya. Jadi dengan keadaan ini Kementerian ini akan memberi satu benda yang memberi kesan, menafa'at dan faedah kepada anak² dan kita tidak di-chachi oleh ra'ayat walau pun mereka telah dapat bantuan² ini.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Rumah Orang Tua. Rumah Orang Tua ini menurut pendapat dan hemah saya di-selenggarakan oleh Majlis Tempatan Negeri tiap² daerah. Jadi berbagai kesulitan timbul. Oleh itu saya nampak pada masa hadapan Rumah Orang Tua ini hendaklah di-pusatkan dalam dua tiga daerah itu di-bawah arahan Kementerian ini dan juga Kerajaan Negeri itu. Segala orang² tua yang ada di-rumah yang di-usahakan oleh Majlis² Tempatan itu di-satukan di-bawah satu pentadbiran. Dengan ini akan menyenangkan dan dapat kita memberi kebaikan kepada orang yang dudok di-rumah itu. Terima kasih.

Tuan Haji Shafie bin Abdul'lah (Baling): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kepala Bekalan Kementerian Kebajikan Am yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya sangat bersetuju dengan ulasan dan pendapat yang telah di-beri oleh wakil dari Kuala Selangor tadi. Saya sama pendapat dengan beliau itu. Saya ada beberapa shor² dan fikiran saya demi kebaikan kerja² yang di-jalankan oleh Kementerian ini. Pertama-nya sa-kali daripada pandangan saya sa-bagai sa-orang Ahli Dewan Ra'ayat, saya shorkan penambahan pegawai² kebajikan masyarakat di-daerah² atau pun di-dalam

negeri yang boleh menjalankan, mengemas-kan dan melichinkan lagi kerja² kebajikan masyarakat, yang sekarang ini sedang bertambah dengan sebab keadaan² dalam negara kita pada hari ini.

Tuan Pengerusi, bantuan² untuk kebajikan kepada orang² yang berkehendakkan bantuan sekarang ini di-berikan dengan dua chara. Yang pertama-nya bantuan menerusi pemohon² terus kepada Jabatan² Kebajikan Daerah atau pun Negeri. Yang kedua-nya bantuan² kebajikan yang di-beri menerusi Jawatan-kuasa Kebajikan Daerah yang terdiri Jawatan-kuasa itu daripada orang ramai atau pun di-lantek daripada orang ramai. Bantuan² yang di-beri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah atau pun Negeri itu sentiasa tidak memuaskan dan tanggung-jawab ini selalu dan biasa-nya di-ambil-aleh oleh pihak Jawatan-kuasa Kebajikan Daerah. Dan perkara ini-lah yang menyebabkan banyak keadaan² yang begitu menyenangkan dan tidak begitu memberi kebaikan kepada orang ramai atau pun pemohon² bantuan kebajikan.

Tuan Pengerusi, sa-bagai sa-orang Pengerusi Jawatan-kuasa Kebajikan Daerah, tiap² minggu saya kembali ka-daerah dan tiap² minggu itu saya terpaksa menggantikan Yang Berhormat Menteri berjumpa dengan orang² miskin di-daerah saya berpuluh² orang yang datang memohon bantuan² kebajikan terdiri daripada janda², orang² miskin dan kanak² yang tidak mempunyai buku² sekolah. Kadang kala dengan kerana terlampau pemohon² daripada kalangan ketiga ini terpaksa saya sa-bagai Pengerusi dan juga sa-bagai Wakil Ra'ayat mendahului wang poket saya sendiri untuk memenuhi kehendak² peminta atau pemohon yang tersebut itu. Jabatan Kebajikan yang di-kelolakan oleh Kementerian selalu dan biasa-nya menolak perkara² yang sa-macam ini kepada Jawatan-kuasa Kebajikan Daerah dan dengan kerana ada-nya Jawatan-kuasa Daerah ini telah banyak memudahkan kerja² pihak Jabatan Kebajikan untuk memberi pertolongan² kepada orang² miskin atau pun pemohon² bantuan itu. Jadi, saya shorkan satu jalan yang baik ia-itu pihak Menteri mengarahkan pihak Jabatan² Kebajikan Daerah² untuk bekerjasama dengan lebeh erat lagi dengan baik lagi dengan Jawatan-kuasa Kebajikan Daerah dan menyalorkan banyak lagi bantuan menerusi Jawatan-kuasa Kebajikan Daerah yang banyak tahu, yang banyak dekat

dengan pemohon² kebajikan dalam daerah masing². Bukan hanya dengan chara menolak kerja² ini kepada Jawatan-kuasa Kebajikan Daerah. Jadi dalam hal ini saya shorkan tambah bantuan kepada Jawatan-kuasa Kebajikan Daerah yang di-kelolai oleh orang ramai itu.

Tuan Pengerusi, barangkali Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am tidak sedar bahawa pehak Jawatan-kuasa Daerah sedang bekerja dengan giat menaikkan imej beliau sa-bagai Menteri itu memenohi kehendak² pehak orang² yang berkehendakkan bantuan itu. Kalau pehak Menteri itu sedar tentu-lah pehak Menteri itu akan bersempati dengan kerja² yang di-jalankan oleh Jawatan-kuasa Daerah itu dan bukan hanya menolak kerja² kebajikan kepada Jawatan-kuasa Daerah samata².

Jadi, ini-lah sahaja perkara² yang patut saya shorkan di-sini dan tegas-nya saya katakan bahawa tambahan bantuan kepada Jawatan-kuasa Kebajikan Daerah itu hendak-lah di-lebihkan lagi dan sempati, timbang rasa, pandangan baik pehak Yang Berhormat Menteri kepada badan² sukarela ini hendak-lah di-lebihkan. Terima kasih.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I wish to speak on Head B. 56 and P. 56 from pages 381 to 386 regarding the Ministry of Welfare Services. I am aware that welfare service in Sarawak, Sir, is a State matter and comes under a separate Welfare Ministry. However, money needed is not often available for the various projects to be implemented.

Very often the District Relief Committees in Sarawak are unable to find enough money to meet the annual needs of the Districts and often "public begging" by Government officers and those in the Committees has to be done. Fortunately, Sir, those capable of giving charity in Sarawak are quite charitable; otherwise the Committees would find themselves unable to function properly.

Another aspect, Sir, which troubles us in Sarawak is the fact that very young girls from the rural areas are lured by the town life and they become at the tender age of 13, 14 or 15 years prostitutes. What steps will the Government take to prevent such very bad activities from happening? I am sure the Ministry could consider setting up schools for

wayward girls in Sarawak to provide education for these very young girls and to protect them from this cruel society of ours. They have no choice because of the low price of rubber and the high cost of living. If you go to the bigger towns in Sarawak like Sibu, Kuching and Miri, you will find these young girls soliciting in some unlikely places. I hope that this request can be considered without delay, so that prostitution can be eradicated in Sarawak. Thank you.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada rakan² saya yang telah membuat ucapan memberi pandangan dan tegoran.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor—sungutan-nya berhubung kemiskinan ra'ayat di-luar bandar. Di-sini suka saya menyatakan bahawa Kerajaan² Negeri ada mengadakan peruntukan wang untuk memberi bantuan am kepada orang² saperti yang di-sebutkan oleh Ahli dari Kuala Selangor. Bagi negeri Selangor sendiri mengadakan peruntukan yang besar ia-itu \$400,000 setahun di-untukkan untuk memberi bantuan kepada orang² miskin yang berkehendakkan atau yang berkeperluan bantuan. Orang² yang miskin saperti ini atau penganggoran yang belum mendapat kerja lagi layak untuk mendapat wang bantuan. Ada dua saloran bantuan am boleh di-dapati, dari Kerajaan Negeri dan daripada Jawatan-kuasa Pusat Kebajikan Masyarakat ia-itu sa-buah badan sukarela.

Berhubung dengan rungutan beliau atas kelambatan, beberapa kali mereka pergi untuk mendapatkan wang bantuan. Perkara ini saya sendiri telah sedar dan saya sendiri juga telah pernah membuat lawatan ka-Kuala Selangor, kalau tidak salah saya didalam 4 bulan dahulu dan dengan kesedaran saya ini, saya telah menchari jalan untuk champor tangan supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat di-negeri² juga Majlis Pusat Kebajikan Masyarakat, supaya mereka membuat khidmat yang baik dan berkesan dan bekerjasama antara kedua Jabatan ini. Jawatan-kuasa Pusat Kebajikan Masyarakat, badan sukarela, mendapat wang peruntukan daripada Ibu Pejabat Majlis Pusat Kebajikan Masyarakat dan dari lain sumber, peruntukan wang yang besar daripada Kerajaan ia-itu hasil wang chabutan loteri Kebajikan Masyarakat. Dan dengan di-kehendaki menghantar kira² perbelanjaan-nya dan chara²

mereka bekerja dalam memberikan perkhidmatan kebajikan kepada masyarakat. Oleh sebab beberapa tahun yang lepas ada sa-tengah² Majlis Pusat Kebajikan ini baik di-perengkat daerah, baik perengkat negeri² tidak begitu mengambil berat dengan menghantarkan report² account-nya tiap² tahun ka-headquarters-nya dan headquarters-nya tidak dapat-lah menghantarkan segala report ini kepada pihak yang berkenaan ia-itu Perbendaharaan. Maka dengan sebab itu-lah berlaku perkara yang tidak di-ingini, ia-itu peruntokan wang telah tidak mendapat sa-penoh-nya daripada Perbendaharaan, dan berlaku lambat dan kurang, dan dengan itu berlaku-lah terganggu usaha² mereka memberikan khidmat kebajikan kepada orang² miskin, dan perkhidmatan mengadakan wang bantuan buku² sekolah.

Kerajaan² Negeri, bagaimana saya katakan tadi, negeri Selangor ada-lah mengadakan peruntokan yang besar ia-itu \$400,000 sa-tahun, pertimbangan di-beri berdasarkan kepada keperluan dan adil, kerana kita memerintah negara ini berdasarkan kepada keadilan. Dan ada-lah menjadi dasar Kerajaan mengadakan siasatan dan kajian, untuk menimbangkan permohonan², ada-kah mereka ini sa-benar²-nya miskin, tidak ada orang menanggung-nya, tua dan chachat. Jika ada anak bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat dan telah bekerja sa-bagai kerani dan sa-bagai-nya, maka sudah sewajar-nya-lah anak itu mampu dan sanggup menanggungkan ibu bapa mereka, kerana dengan sebab kedua² ibu bapa mereka, beliau dapat melihat dunia. Walau macham mana pun atas sungutan Ahli dari Kuala Selangor ini, saya mengambil ingatan dan sa-kira-nya benar² apa yang di-katakan oleh beliau itu, sila-lah hantar list² nama siapakah yang telah pergi ka-Jabatan Kebajikan Masyarakat memohon bantuan, tidak dapat layanan dan sa-bagai-nya itu, hantarkan list nama kepada saya untuk saya meneliti-nya.

Bagaimana saya katakan tadi untuk memberikan bantuan kepada orang miskin ini ada-lah datang-nya dari 2 saloran ia-itu daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan badan sukarela, ia-itu Jawatan-kuasa Pusat Kebajikan Masyarakat.

Berhubung dengan beliau mengatakan supaya juga orang² China dan orang² India yang miskin dan yang bekerja di-ladang² getah juga hendak-lah di-timbangan. Saya

menegaskan di-sini, memberikan perkhidmatan kebajikan masyarakat kepada orang² yang tidak bernasib baik ini kita tidak mengamal memandang rupa kaum dan siapa dia, kita menimbang dan memberi kepada orang² yang layak dan berkeperluan.

Nombor 3 rungutan beliau berkenaan dengan kanak² chachat. Kementerian saya ada mempunyai sa-buah Yayasan Kanak² Chachat di-Johor dan insha' Allah dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini kita akan adakan sa-buah bangunan baharu dan moden di-Johor Bahru. Peruntokan telah disediakan sa-banyak \$900,000 dan peruntokan telah di-pohon di-Majlis ini beberapa hari dahulu sa-banyak \$100,000.

Rumah chachat di-Puchong itu yang disebut oleh Yang Berhormat ada-lah kepunyaan badan sukarela.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi. Budak chachat itu di-Puchong.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Terima kaseh.

Sa-lain daripada itu, Kementerian saya ada bekerjasama dengan badan² sukarela dan persatuan² sukarela dalam menempatkan melindungi kanak² chachat. Mithal-nya di-Kuala Lumpur ini kita ada Yayasan Spastik, Rumah Kanak² Chachat yang di-punyai oleh Badan Sukarela dan Kementerian saya memberikan peruntokan wang tahunan dan juga nasehat. Walau bagaimana saya katakan tadi Kerajaan ada-lah sedar bahawa perlu diberikan perlindungan dan pemeliharaan kepada budak² chachat, bokti-nya bangunan baharu dan moden akan di-adakan di-Johor Bharu. Dukachita saya mendengar dan saya ta' perchaya bagaimana ada-nya ibu bapa benchi dan ta' suka kepada anak² chachat mereka itu, apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor.

Orang² tua, yang katakan ta' dapat layanan yang baik, berkehendakkan tempat tidur yang baik, kain selimut-nya telah hitam, saya suka menyatakan di-Majlis ini Kementerian saya ada mempunyai 8 buah Rumah Orang² Tua, dua di-Perak ia-itu di-Taiping dan Tanjong Rambutan, sa-buah di-Cheras, Selangor, sa-buah di-Negri Sembilan. Tadi kalau ta' salah saya Yang Berhormat itu kata beliau pergi ka-Rumah Orang² Tua di-Jelebu. Itu ada-lah kepunyaan badan² sukarela. Kepunyaan Kementerian Dalam Negeri

Sembilan ia-lah di-Seremban, sa-buah di-Melaka, dua buah di-Johor, ia-itu di-Johor Bahru dan Mersing, sa-buah di-Bidong, Kedah, dan menempatkan sa-ramai 2,240 orang. Dengan mengadakan kemudahan² makan minum dan tempat tidor yang baik, tempat mereka beristirehat, dan juga disediakan surau tempat mereka sembahyang dan guru ugama part-time memberikan ajaran ugama dan penerangan berhubung dengan hal² ugama, dan suka saya menyatakan di-sini saya dapati telah ramai orang² tua Melayu dan Islam telah tertarek hati untuk tinggal bersama dalam yayasan² Kementerian ini. Kementerian saya mengadakan yayasan ini ia-lah dengan chara tersusun dan teratur dengan di-kawali oleh pegawai² kebajikan yang terlatah dan di-tempatkan sa-orang pembantu rumah sakit dengan itu tidak timbul-lah layanan yang ta' sempurna dan sa-bagai-nya.

Kapada Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Selatan, saya tidak berkehendakkan pujian, apa yang telah saya jalankan ia-lah tugas² yang di-berikan kepada saya, apa yang saya mahu ia-lah sa-lagi kesanggupan saya ada, dan apa kebolehan yang ada pada saya dan kewangan yang di-berikan kepada Kementerian saya, maka saya akan chuba memimpin Kementerian saya itu dalam memberi khidmat kebajikan kepada orang² yang tidak bernasib baik dan berkeperluan.

Saya ucapkan terima kaseh kepada beliau kerana beliau mengeshorkan supaya Kementerian saya di-tambahkan pegawai² kerana atas kesedaran beliau ada sa-tengah² daerah yang besar² mempunyai sa-orang pegawai sahaja dan tanggungan yang begitu berat untuk mengadakan siasatan, untuk mengadakan lawatan dan sa-bagai-nya. Ini saya menguchapkan terima kaseh atas chadangan beliau, bagaimana dalam ucapan saya tadi, saya berkehendak mengadakan jawatan tambahan sa-banyak 73 jawatan, dan apabila saya akan memohon tambahan kewangan ini, saya harap beliau akan menyokong saya.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah mengeshorkan supaya Kementerian ini mengadakan sa-buah yayasan bagi pemulehan akhlak orang laki². Ini pun saya hairan kerana ada timbul kesedaran merasa kesalahan dan perasaan tanggung-jawab bersama dari orang laki² kalau telah membuat kerja yang di-kutok itu, maka biasa-nya

orang perempuan sahaja-lah yang kena di-hukum, atau di-baiki akhlak, orang laki² di-tidakkan. Di-sini saya menguchapkan terima kaseh atas kesedaran itu. Di-sini di-nyatakan Perbekalan dalam Undang² tidak termasuk pemulehan pelanggan² pelachor.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara minta mengadakan bengkel berlingong bagi orang² chachat. Dalam ucapan saya pun tadi ada menyebutkan hendak mengadakan bengkel perlindungan bagi orang² chachat yang akan di-adakan di-Selangor ini dan negeri Johor sendiri telah ada. Walau bagaimanapun, saya telah mendapat kerjasama dengan badan² sukarela yang ada terutamanya di-daerah Muar. Dalam dua bulan dahulu, saya telah membuat lawatan ka-Muar dan saya telah pun sempat berunding dengan Jawatan-kuasa Pusat Kebajikan Masyarakat di-sana dan mereka telah berjaya mengadakan sa-buah bengkel tempat berlingong bagi orang² chachat buta di-Kampung Parit Bunga dengan menempatkan sa-ramai 9 orang bukan sahaja buat bakul, bahkan memproses sendiri rotan² itu dan ada rancangan untuk mengadakan bangunan lagi satu yang akan memakan belanja sa-banyak \$50,000. Wang \$15,000 telah terkumpul dan baki-nya ada-lah dalam pertimbangan Kementerian, dan saya telah memberi bantuan wang yang di-kehendaki sa-banyak itu. Bengkel ini kelak bukan sahaja akan membuat bakul dari rotan² bahkan juga membuat kerja² tangan saperti membuat perabot² dan kerja² besi dan sa-bagai-nya. Bengkel ini akan menempatkan 120 orang chachat dapat bekerja. Kerjasama yang erat di-antara Kementerian dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di-negeri² dan daerah² dan dengan badan² sukarela di-negeri ini ada-lah memuaskan dan saya berbangga dengan semangat tersebut.

Berhubung dengan orang² miskin dan orang² tua dan penganggor mendapat bantuan \$5 dan \$10 itu juga di-sebut oleh rakan² saya yang lain. Di-sini saya suka mengingatkan lagi, bahawa perkhidmatan ini negeri² masing² ada mengadakan peruntukan mengikut kemampuan negeri itu.

Negeri Johor mengadakan peruntukan bantuan am \$250,000 sa-tahun dan tahun ini ada-lah di-kurangkan, tetapi di-lebeuhkan peruntukan kepada wang peruntukan buku² sekolah, dan memberi bantuan pelajaran. Bagi negeri² lain sa-bagaimana saya katakan

tadi ada-lah mengikut kemampuan kewangan yang ada di-negeri masing². Maka itu-lah mengikut peruntukan yang ada di-beri oleh Kerajaan Negeri kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri² dengan bertambah-nya ramai orang² yang meminta bantuan, dan juga kehendak orang² politik (Wakil Ra'ayat) mengatakan beri-lah sahaja asalkan orang ini dapat, walau pun \$5 pernah berlaku. Perkara ini saya sendiri sedar dan dengan itu saya telah mengarah supaya Kementerian saya mengambil campor tangan dengan membuat satu kajian yang berkesan dan akan mengadakan satu pertunjukan sa-banyak manakah wang layak dan patut di-untukkan di-berikan kepada orang² yang berkeperluan. Pada pendapat saya sa-kurang²-nya \$30 ada sa-elok²-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Baling minta supaya menambahkan pegawai² kebajikan di-Daerah², saya mengucapkan terima kasih, dan juga telah menyentuh bantuan kepada orang² miskin. Ini saya telah terangkan tadi dan saya suka melanjutkan lagi. Berhubung dengan bantuan orang² miskin ini ada sa-tengah² daerah dan negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri itu dengan Jawatan-kuasa Pusat Kebajikan Masyarakat ada-lah bekerjasama. Ada sa-tengah² tempat seperti Kulim bekerjasama dengan erat dan mereka telah membahagi²kan kerja, mital-nya kalau Jabatan itu mengadakan wang peruntukan untuk di-beri kepada orang² miskin, maka Jawatan-kuasa ini mengadakan wang peruntukan bagi sekolah. Maka tidak lah kerja itu bertindeh².

Ahli Yang Berhormat itu sendiri menjadi Pengerusi Jawatan-kuasa ini ada-lah di-harap dengan usaha-nya sendiri sa-bagai Wakil Ra'ayat dan sa-bagai sa-orang yang berpengaruh di-kawasan-nya itu ada-lah di-harapkan kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Daerah itu dapat di-usahakan. Saya sedar Jawatan-kuasa Majlis Pusat Kebajikan Masyarakat dan badan² sukarela lain adalah bekerja kuat bersungguh² dan berminat untuk membuat khidmat kebajikan, tetapi sa-bagaimana saya katakan tadi mereka bekerja sukarela, bekerja sambil belajar dan mereka bukan-nya pakar tetapi berpengalaman.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok, saya suka menerangkan, urusan Perkhidmatan Kebajikan Sarawak ada-lah di-bawah hak

atau urusan Kementerian Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak sendiri. Kementerian saya ada-lah berhak mengurus berhubung dengan pemuliharaan akhlak bagi kanak² atau orang² muda. Walau bagaimana pun apa yang di-rungutkan di-sini, saya akan sampaikan ka-Kementerian itu.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun, berhubung dengan bantuan orang² yang chachat hendak-lah di-beri perlindungan dan sa-bagai-nya. Kementerian saya ada mempunyai sa-buah yayasan Pusat Pemuliharaan Orang² Chachat di-Cheras dan menempatkan orang² chachat itu ada-lah orang² chachat yang boleh di-puleh anggota-nya yang chachat, sa-telah pehak² seperti doktor telah memberi akuan yang mengatakan orang² chachat ini ada-lah boleh di-puleh, maka orang² chachat seperti itu-lah dimasukkan di-yayasan Pusat Pemuliharaan Orang² Chachat di-Cheras di-berikan pemuliharaan anggota-nya dan di-berikan latihan² vokeshenal dan mekanik dan lain²-nya. Dan sa-telah mereka di-beri latihan beberapa tahun sampai dua tiga tahun atau sa-bagai-nya mengikut lama satu latihan, kebolehan dan kelayakan, mereka ada-lah menjamin boleh hidup berdiri di-atas kaki sendiri sa-telah balek ka-tempat masing², dengan mengadakan pekerjaan sendiri atau mendapat kerja, itu-lah tujuan Kementerian ini mengadakan yayasan pemuliharaan. Seperti Besut, ada sa-orang wanita yang kaki-nya chachat oleh sebab di-patok ular dan telah di-berikan latihan dan pemuliharaan, dan beliau telah balek daripada latihan ini, Kementerian saya telah memberikan wang bantuan sa-banyak \$300 untuk membeli meshen dan beliau telah pun membuka sa-buah kedai jahit dan telah pun berkahwin.

Rungutan Wakil dari Dungun juga yang mengatakan ketat-nya Jabatan Kebajikan Masyarakat mengadakan penyiasatan kepada orang yang hendak mendapat bantuan ini jikalau ada anak-nya kerja kerani dan sa-bagai-nya, maka orang itu tidak di-beri bantuan. Saya hairan yang mana beliau itu ada-lah datang daripada PAS yang berdasarkan kepada kebajikan, mengikut ajaran agama Islam, maka saya fikir patut Yang Berhormat itu mengambil inisiatif terutama-nya mengajak parti-nya memberi penerangan bahawa bagaimana perlu, dan bagaimana pahala-nya anak yang telah dapat melihat dunia bagaimana indah-nya dunia-nya, maka sudah sa-wajar-nya-lah anak itu

membalas budi ibu bapa-nya dengan sanggup memelihara dan menanggung ibu bapa-nya itu.

Saya ingat itu-lah sahaja apa yang telah di-kemukakan kepada Kementerian saya, dan jika ada apa² yang tertinggal yang tidak dapat saya jawab di-sini, maka saya telah pun mengambil ingatan atas perkara itu. Terima kasih.

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$7,742,800 untuk Kepala B. 56 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 47 dan B. 48—

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Pengerusi, saya mohon supaya B. 47 dan B. 48 di-satukan.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya Dewan ini meluluskan perbelanjaan Kepala B. 47 berjumlah \$7,204,000 bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kepala B. 48 berjumlah \$5,245,740 bagi Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Kementerian ini telah dapat mengurangkan perbelanjaan pada tahun 1972 sa-banyak \$427,000 sa-bagai satu tanda menunjukkan bagaimana Kementerian ini dapat menjimatkan berbagai² perbelanjaan daripada sa-tahun ka-satahun sesuai dengan dasar ekonomi baharu Kerajaan.

Saya tidak hendak berchakap dengan panjang lebar, sebab Ahli² Dewan ini faham kerja² yang telah di-buat oleh Kementerian ini daripada semenjak 10 tahun yang lalu dan kejayaan² yang telah di-chapai, maka dengan sebab itu, saya memohon supaya peruntukan ini di-luluskan.

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$7,204,000 untuk Kepala B. 47 dan \$5,245,740 untuk Kepala B. 48 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 39—

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Pengerusi, saya menhadangkan supaya Dewan ini meluluskan peruntukan berjumlah \$10,595,000 yang di-tunjokkan di-bawah Kepala B. 39 bagi Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Peruntukan yang di-minta ada-lah untuk membiayai perbelanjaan bagi keperluan seluruh Kementerian yang meliputi bukan sahaja Urusetia Kementerian tetapi juga Jabatan² di-bawah Kementerian ia-itu Jabatan Buroh dan Perhubungan Perusahaan, Jabatan Kilang dan Jentera, Jabatan Tenaga Ra'ayat, Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Jabatan Pendaftaran Kesatuan Sekerja. Sa-lain daripada itu, Kementerian saya juga ada menyumbangkan kepada perbelanjaan mengurus Badan² Berkanun yang mana mempunyai hubungan sa-chara langsung dengan aktiviti² Kementerian dan juga kepada Pertubuhan Buroh Antarabangsa yang mana Malaysia ada-lah menjadi negara anggota.

Tuan Pengerusi, sementara undang² perburohan dan perusahaan untuk kebajikan dan kesejahteraan pekerja² sa-chara am dan perhubungan baik antara majikan dan pekerja untuk mewujudkan keadaan perhubungan perusahaan yang tenteram sedang di-kuatkuasakan dan di-galakkan, di-masa yang sama dalam tahun 1972 penekanan yang kuat akan di-beri terhadap polisi ranchangan tenaga ra'ayat di-Kementerian saya yang berhubung dengan ranchangan² latehan perusahaan dan juga perkembangan sekim keselamatan sosial dengan terlanchar-nya Sekim Insuran Benchana Pekerjaan dan Sekim Persaraan I'lat

Polisi tenaga ra'ayat yang efektif menaikan penggunaan tenaga buroh yang besar yang mana bergantung dengan banyak-nya kepada pengeluaran pekerja² mahir untuk memenuhi keperluan² perusahaan dan juga peluang² pekerjaan. Untuk tujuan ini Jabatan Tenaga Ra'ayat telah di-tubuhkan dalam tahun 1969 dengan menyatukan Bahagian Latehan, Pekerjaan dan Penerangan Pasar Buroh dengan tujuan untuk menyelaraskan sa-penoh-nya aktiviti² Bahagian² tersebut dalam bidang polisi tenaga ra'ayat.

Sa-bagai tambahan ia juga menjadi sa-bagai satu sumber yang besar bagi mendapatkan maklumat² berkenaan dengan tenaga ra'ayat dan pasar buroh yang di-perlukan untuk merancang dan menguatkuasakan satu polisi tenaga ra'ayat yang aktif dan positif bersama² dengan badan yang lain seperti Bahagian Perancang Ekonomi, Kementerian Pelajaran, MARA,

Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, Jabatan Perangkaan dan pertubohan² Majikan dan Pekerja.

Bahagian Latehan.

Dalam mengembangkan pengeluaran tenaga ra'ayat yang mahir, bahagian latehan telah menjalankan satu ranchangan perusahaan di-mana ada menyediakan kemudahan² bagi memperolehi serta meninggikan taraf kemahiran asas vokeshenal dan perusahaan, meninggikan taraf mengajar, mengadakan perkhidmatan² rundingan dan juga mengeluarkan sijil² dalam berbagai ketukangan pada peringkat kebangsaan.

Berhubung dengan kemudahan² latehan untuk memperolehi kemahiran² perusahaan yang asas, Kementerian saya sa-takat ini telah mengadakan ranchangan² latehan dalam 18 ketukangan² perantisan dan 16 ketukangan² perusahaan dalam bidang² mekanik, kejuruteraan letrik, bangunan dan perchetakan di-bawah Ranchangan Perantisan Kebangsaan dan Kursus² Persediaan Ketukangan. Ranchangan² di-atas akan diperluaskan sa-lanjut-nya dalam tahun 1972 supaya sa-jajar dengan perkembangan perusahaan yang bertambah dengan menambahkan lagi kursus² latehan dan juga bilangan pelateh² yang akan di-ambil. Dengan tertuboh-nya sa-buah lagi Pusat Latehan Perusahaan di-Prai yang akan mula di-gunakan pada pertengahan tahun 1973 nanti kemudahan² latehan dalam lain² bidang ketukangan vokeshenal akan juga di-sediakan.

Usaha yang giat juga sedang di-jalankan untuk menggalakkan Ranchangan Latehan Pengajar Ketukangan dan Perusahaan di-dalam lapangan awam dan swasta. Ranchangan ini akan mula di-jalankan dalam tahun ini dengan mengambil kira² 50 orang peserta. Di-bawah yunit Latehan Dalam Loji dan Pengawasan Latehan Perusahaan perkhidmatan² rundingan telah di-berikan kepada majikan² dalam lapangan² awam dan swasta dengan menasihatkan mereka bagaimana chara² untuk mengadakan ranchangan latehan yang efektif di-tempat mereka sendiri sa-chara persaorangan atau pun sa-chara kumpulan. Ranchangan ini telah pun mula di-jalankan di-kawasan² perusahaan di-Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Shah Alam dan dalam tahun 1972 kelak ranchangan tersebut akan di-luaskan lagi untuk meliputi kawasan² Prai, Butterworth,

Ipoh, Johor Bahru, Pantai Timor Malaysia Barat dan juga di-Malaysia Timor. Untuk menchapai tujuan memenohi keperluan bagi menyelaraskan kemahiran² dan ujian² ketukangan di-perengkat Kebangsaan, Lembaga Latehan Perusahaan dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan telah pun di-lancarkan pada 1hb Disember, 1971.

Dalam tahun 1972 kira² 47 jawatan dalam peringkat pengajaran akan di-tambah untuk melaksanakan ranchangan latehan perusahaan.

Perkhidmatan Pekerjaan.

Perkhidmatan pekerjaan yang mempunyai peranan utama bagi merunding dan menempatkan penchari-kerja dalam pekerjaan telah menjalankan tugas² dengan bersungguh² dengan menentukan kekosongan² dalam pasaran buroh terutama-nya melalui lawatan² galakan kepada majikan² untuk tujuan menempatkan penchari² kerja yang mendaftar dalam pekerjaan. Sa-takat ini bahagian ini telah berjaya menempatkan kira² 30,000 penchari² kerja dalam pekerjaan. Perlu di-tegaskan di-sini bahawa perkhidmatan pekerjaan bukan-nya satu badan yang menyediakan pekerjaan dan oleh itu segala usaha dan kejayaan-nya adalah sa-mata² bergantung kepada sa-takat mana ia-nya di-gunakan oleh majikan².

Di-dalam usaha Kerajaan untuk memperbaiki keadaan yang tidak sa-imbang di-kalangan tenaga kerja di-negara ini dan membentuk sa-mula masharakat, perkhidmatan pekerjaan boleh membantu majikan² dengan banyak-nya dengan menyediakan jenis pekerja² yang sa-imbang yang mereka perlukan.

Untuk pengurusan yang chekap serta perkembangan pejabat² pekerjaan tempatan, 4 jawatan pegawai² pekerjaan ada-lah di-kehendaki dalam tahun 1972. •

Ranchangan Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia.

Sa-lain dari aktiviti² penempatan kerja yang di-jalankan oleh Bahagian Pekerjaan, Sekim Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia ada-lah juga merupakan alat dalam memperbaiki keadaan penganggoran di-Malaysia Barat. Ranchangan ini yang di-tubuhkan dalam tahun 1966 oleh

Kerajaan Persekutuan Malaysia dan Kerajaan Negeri Sabah untuk tujuan menggalakkan dan membiayai pemindahan pekerja² dari Malaysia Barat ke-Sabah untuk memenuhi keperluan² tenaga buroh di-sana telah memberi faedah kepada kedua² belah pihak oleh kerana ia menolong mengurangkan pengangguran di-Malaysia Barat di samping mengatasi kekurangan tenaga buroh di-Sabah. Sejak Ranchangan ini di-mulakan lebih kurang 5,700 pekerja dengan di-iringi oleh 4,800 tanggungan telah di-hantar ke-Sabah.

Satu daripada matlamat Labour Market Information Service ia-lah menyediakan "projections" ka-atas kedudukan pengeluaran dan keperluan berdasarkan pechahan pekerjaan dalam hubungan Ranchangan Malaysia Kedua. Usaha ini di-tujukan untuk menentukan bahawa pengeluaran tenaga ra'ayat dari beberapa Institusi² Pelajaran dan Latihan ada-lah menurut keperluan supaya pelaksanaan Ranchangan Malaysia Kedua pada peringkat² yang berbedza tidak akan terhalang oleh kekurangan kakitangan² yang mahir. Dalam hubungan ini satu kajian yang mendalam sa-harus-nya di-jalankan ka-atas perangkaan pasar buroh yang ada, begitu juga tinjauan baharu sa-harus-nya di-ranchang dan di-jalankan untuk mengetahui chorak² pekerjaan yang mungkin timbul sa-masa waktu ranchangan.

Sa-hingga ini, satu jawatan bagi Penolong Pengarah dan satu jawatan bagi Pegawai Buroh dan kaki-tangan² pembantu yang diperlukan telah di-sediakan bagi pelaksanaan program² ini.

Pertubohan Keselamatan Sosial.

Sejak bulan Oktober 1971 Ranchangan Insuran Benchana Pekerjaan telah di-laksanakan sa-penoh-nya di-salah sa-buah dari lima buah pusat itu, meliputi lebih dari 24,000 orang pekerja² dalam kawasan Johor Bahru. Kerja persediaan terhadap meluaskan Ranchangan ini kepada 4 buah pusat yang lain itu ada-lah sedang berjalan dengan baik-nya.

Pertubohan ini ada-lah juga merancang untuk melaksanakan saraan bagi lebih kurang satu juta pekerja di-bawah Ranchangan Pesaraan I'lat di-seluruh Malaysia Barat pada tahun ini.

Pertambahan yang di-perlukan dalam kakitangan, perkhidmatan dan perbekalan bagi perbelanjaan pergerakan ada-lah sekarang di-masokkan di-dalam Anggaran untuk Pertubohan ini bagi tujuan melaksanakan kedua² tujuan seperti yang terdapat dalam Akta pada tahun 1972.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, whilst the labour and industrial relations legislations have gone a long way in establishing industrial peace and harmony in this country and generating conditions conducive for capital investment, both local and foreign, there are still, however, criticisms in some quarters that the labour laws in this country are rather restrictive. Sir, I would like to emphasise and reiterate here to Honourable Members of this House that the enactment of our labour laws should be viewed and understood within the context of the prevailing situation in our country. In a young emerging developing nation like Malaysia, where economic and industrial expansion are in full momentum, especially so within this crucial and challenging phase of the Second Malaysia Plan, labour contentment and industrial peace are vital. In the face of rising demands of a developing economy on the one hand, and the imperative need to forge racial unity on the other, the unrestricted exercise of the rights and prerogatives of employers and trade unions might only serve to undermine economic growth and political stability which are essential for the survival and development of this country. Any form of restraint enforced merely acts as safeguards and in no way are they meant to undermine or impair labour interests and welfare. I am always alert to changes and reforms and these can and will be made duly if it is considered appropriate and suitable within the context of prevailing situations. Mr Chairman, Sir, at this juncture, however, with challenging years ahead of us, let us move cautiously yet positively.

Sir, I beg to move that this House approves the provision of \$10,595,000 under Supply Head B. 39 for my Ministry.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara): Dato' Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Perbekalan bagi Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat dan saya ingin mengambil bahagian sedikit berchakap di atas dasar gaji pekerja² yang ada dalam negara kita ini.

Pada masa sekarang ini, Dato' Pengerusi, belum lagi Kerajaan kita menetapkan gaji sa-rendah²-nya bagi sa-orang pekerja. Dengan tidak ada-nya undang² yang menentukan gaji yang sa-rendah²-nya bagi sa-orang pekerja maka kita dapati banyak di-antara pekerja² kita di-exploitkan atau di-anayakan oleh majikan. Sa-hingga kita dapati sa-tengah² kilang di-satengah² tempat perusahaan, gaji yang di-bayar sa-banyak \$1.20 pun ada. Ini sangat-lah tidak 'adil bagi tenaga sa-orang buroh yang bekerja sa-lama lapan jam dengan sa-banyak \$1.20.

Oleh yang demikian, Dato' Pengerusi, saya berharap sangat² supaya Kementerian ini mengkaji kemungkinan mengadakan satu undang² supaya menentukan gaji yang sa-rendah²-nya patut di-bayar kepada sa-orang pekerja. Dengan ada-nya undang² ini maka pehak pekerja akan di-bela dan ke'adilan di-laksanakan.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, ia-lah mengenai Jabatan Pendaftaran Menchari Kerja. Saya telah berchakap perkara ini pada masa bakhath dasar mula hari itu, tetapi saya di-beri jawapan bahawa pada masa sekarang ini tidak boleh lagi di-adakan undang² untuk memaksa majikan menerima atau mengambil pekerja², bakal pekerja² yang mendaftar di-Jabatan Pekerjaan. Jadi, saya berharap buat permulaan, jikalau tidak boleh di-adakan undang² memaksa semua majikan mengambil pekerja melalui Pejabat Pendaftaran Menchari Kerja, sa-kurang²-nya di-harap-lah ada juga undang² supaya Jabatan² atau pun badan² berkanun; kita mulakan dengan badan² berkanun, sa-bagaimana Pelabohan Pulau Pinang, Pelabohan Klang, Lembaga Letrik Negara dan lain², supaya badan² ini mengambil pekerja melalui Pejabat Pendaftaran Buroh buat permulaan-nya. Dengan ini dapat-lah ke'adilan di-berikan kepada orang² yang mendaftarkan nama. Saya telah sebutkan sa-orang yang mendaftarkan nama sa-hingga enam tahun baharu-lah dia di-panggil untuk temu-duga, itu pun belum tahu lagi beliau mendapat pekerjaan; dengan melebehan peluang² untuk bertemu-duga maka pehak pekerja yang mendaftar di-Pejabat Pendaftaran Buroh ini akan dapat pekerjaan.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, saya sambut baik berkenaan dengan ranchangan Kementerian ini mengenai Keselamatan Sosial Pekerja dan juga ranchangan yang di-adakan bagi kebaikan pekerja², ia-itu Insuran Bencana. Saya harap dengan ada-nya

ranchangan ini akan menjadi sa-bagai rintisan kepada tertuboh-nya sa-buah badan, ia-itu Labour Insurance Scheme pada masa hadapan. Mudah²an dengan sedikit demi sedikit kita akan adakan dalam negara kita ini Labour Insurance Scheme yang boleh memberikan satu jaminan kepada semua pekerja² kita yang ada di-dalam negara kita ini. Terima kaseh.

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): Terima kaseh, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Minta pendekkan dan minta juga kalau boleh champor berchakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Fan Yew Teng: Saya berchakap penoh dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Pengerusi: Bagus! Terima kaseh.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk pada B. 39, Pechahan-kepala 1100, Bahagian (2) di-bawah tajok Buroh dan Perhubungan Perusahaan.

Di-bawah sekshen ini, Tuan Pengerusi, saya ada satu pengaduan, bukan pengaduan yang saya sendiri sahaja, tetapi dari banyak pekerja², bahawa tugas² mereka, pegawai² dari Kementerian Buroh di-dalam penyiasatan mengenai pergadohan perusahaan atau pengaduan di-dalam kilang² atau lain² tempat kerja ada banyak kali pegawai² ini masok office majikan sahaja, berbual, minum satu dua chawan kopi dan balek ka-office Kementerian, langsung tidak berjumpa dengan pekerja² atau ketua² Kesatuan Sekerja itu. Itu kita tidak tahu apa keadilan perusahaan itu. Kalau satu pehak sahaja di-dalam satu pergadohan perusahaan di-jumpai oleh pehak Kementerian itu dan juga ini ada satu bukti dari pekerja² di-H.M. Shah Enterprise di-Petaling Jaya, sudah ada surat-nya dan sa-lepas ini Yang Berhormat Menteri boleh tengok—pekerja² yang muda. Mereka tulis sa-puchok surat, tajok-nya: Victimisation. Dan dia ada menyuarakan bahawa mereka telah jadi hamba (slavery) di-dalam sharikat itu, tetapi

Tuan Pengerusi: Surat itu anonymous, ada sain?

Tuan Fan Yew Teng: Bukan anonymous. Mereka ada beri satu pengaduan bahawa Kementerian Buroh menjalankan tugas² yang ta' adil kepada mereka. Dan juga pagi ini

saya ada satu kes dari Kesatuan Kebangsaan Pekerja² Lombong Malaya, Bahagian Killinghall di-Puchong, ada berkata dalam bulan September tahun lalu Yang Berhormat Menteri ada memberi jaminan akan mengambil bahagian dalam kes ini di-antara majikan Killinghall Tin dan pekerja², tetapi sampai hari ini pun ta' ada mengatasi masalaah itu, ta' ada apa satu solution yang sesuai, yang memuaskan hati kepada pehak pekerja².

Satu laporan pagi ini mengatakan bahawa lebih kurang 43 pekerja² lombong di-Killinghall dan Hong Kong Tin di-Puchong akan di-buang kerja lagi kerana sebab² yang diberikan oleh majikan ia-lah lombong itu akan di-tutup. Tetapi pekerja² di-sini ada satu pengalaman yang burok bahawa sa-lepas dua atau tiga bulan lombong yang di-katakan akan di-tutup itu di-buka sa-mula, tetapi dengan mengambil "contract labour". Saya harap Yang Berhormat Menteri akan menyiasat dengan sa-berapa lekas mengenai perkara yang sangat burok ini.

Dan ada satu perkara lagi bahawa di-dalam Sekshen 16 (a) Industrial Relations Act tahun 1967, sa-hingga sekarang masch ta' ada lagi "ground rules" undang² asas untuk procedure, untuk inquiry di-dalam pengaduan dan pergaduhan perusahaan atau di-dalam industrial court dispute dan ada banyak kesatuan² sekerja dan juga pekerja² itu sendiri ada membuat pengaduan bahawa keadaan ini ta' adil. Sebab di-dalam industrial court ini mesti ada "ground rules" atau undang² asas ground rules procedure, macham di-dalam Court of Law.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara ia-lah mengenai Registry of Trade Unions—Jabatan Pendaftaran Kesatuan² Sa-kerja, di-dalam perkara recognition of unions, pengakuan kesatuan² Sekerja sa-bagaimana penyiasatan yang saya sebutkan tadi bila ada pekerja² di-dalam satu kilang atau sharikat telah menulis surat, berhubung dengan Kementerian mengatakan mereka hendak menubuhkan satu kesatuan. Apa akhir-nya yang terjadi? Pegawai² dari Kementerian Buroh biasa-nya tempat yang portama dimasoki ia-lah Office Manager atau Managing Director bukan tempat kerja pekerja² itu. Dengan sebab itu, siapa-kah yang sanggup menubuhkan satu kesatuan Sekerja yang berani masok ka-dalam pejabat Managing

Director atau Manager dan di-adakan interview di-hadapan majikan-nya? Kalau di-hadapan majikan-nya, tentu-lah mereka ada perasaan takut sedikit. Mereka tahu majikan bukan-lah bersifat pro-labour. Mereka tentu takut kalau sa-benar-nya di-keluarkan perasaan-nya, mungkin akan kehilangan pekerjaan-nya. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri Buroh akan menyiasat di-dalam perkara ini juga, kerana kalau kita tengok akan laporan bulanan dari Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat, nombor atau bilangan kesatuan² sekerja di-dalam Malaysia Barat sudah berkurangan dan saya fikir ini satu keadaan yang burok di-dalam lapangan trade union di-Malaysia Barat yang menjadi tanggung-jawab atau sa-paroh tanggung-jawab di-dalam Jabatan Pendaftaran Kesatuan² Sa-kerja ini. Terima kaseh.

Tuan V. David (Bungsar): Tuan Pengerusi, minta izin

Tuan Pengerusi: Saya beri izin kepada Ahli Yang Berhormat dengan syarat Ahli Yang Berhormat berchakap dalam Bahasa Kebangsaan dan juga bahasa Inggeris, boleh. Jikalau ada point yang susah hendak berchakap dalam Bahasa Kebangsaan, boleh gunakan dalam bahasa Inggeris, tetapi mesti champor²kan. Boleh?

Tuan V. David: Ya.

Tuan Pengerusi: Terima kaseh.

Tuan V. David: Yang pertama, saya hendak bawa perkara gaji hidup. Perkara ini bukan sahaja Parti Pembangkang yang ada membawa-nya dalam Dewan ini, tetapi juga Ahli² Yang Berhormat dari Parti Perikatan yang mengatakan tiap² kilang yang baharu, gaji pekerja² ada-lah rendah, bukan sahaja di-Pantai Timor bahkan di-seluruh tanah ayer kita ada yang di-bayar \$1 atau \$1.50.

Kesatuan² yang lama hampir 15 tahun ada membawa satu soal berkenaan dengan gaji hidup. Apa dia gaji hidup? Ini satu soal mesti-lah Kerajaan fikirkan. Gaji hidup ini badan² antarabangsa ada berkata orang yang bekerja mendapat gaji itu untuk satu keluarga, boleh hidup, boleh dudok dalam masharakat kita. Tetapi kita pandang tiap² kilang ada memberi gaji sekarang, kita tidak nampak keluarga itu boleh dudok macham manusia dalam tanah ayer kita.

Tuan Pengerusi, saya minta Kerajaan bawa undang² tetap gaji hidup ini dan apabila Kerajaan bawa undang² ini dan di-dapati mana satu kilang yang membayar gaji rendah dan melanggar undang² ini, mesti-lah Kerajaan mengambil action atas kilang itu. Tetapi Kerajaan ada berkata, susah dalam negeri ini kita mahu buat undang² sa-macam itu, tetapi itu saya tidak perchaya, sebab Kerajaan selalu berjanji modal luar negeri boleh mendapatkan orang kerja murah dalam negeri kita. Itu satu penyakit yang tidak baik, fasal modal luar negeri dia selalu ingat kalau datang ka-Malaysia, boleh mendapatkan orang bekerja dengan gaji \$1 dan \$1.50 sa-hari. Kerajaan hendak-lah berani, sa-siapa bawa modal, kalau mahu aman dalam kilang² dan tempat kerja majikan² hendak-lah bayar gaji yang patut—mana satu pekerja boleh duduk selamat, aman dan ma'amor dalam negara kita.

Lagi satu perkara, kita selalu tidak beri tahu ra'ayat di-luar negeri yang hendakkan cheap labour di-sini, sweated labour, barangkali Taiwan dan Hong Kong ada pakai macham itu, tetapi di-negara kita mesti siapa² bawa modal, hendak-lah beri gaji yang patut. Dalam dua tahun ini ada kesatuan² bersuara mengenai Trade Union Ordinance, Industrial Relations Act dan Employment Ordinance. Tahun 1969 Kerajaan bahawa pindaan atas undang². Kerajaan kata pindaan ini buat sementara, fasal negara kita pada masa itu ada Undang² Dharurat dan dengan sebab itu mesti-lah kesatuan² sekerja ini mengambil berat dan soal negara kita ada-lah yang mustahak sakali. Tetapi kesatuan ada juga menerima ingatan barangkali pada masa akan datang dalam sa-tahun dua ini Kerajaan boleh ubah balek, boleh tarek balek pindaan ini. Tetapi Kerajaan ada berkata juga untuk menarek balek sa-paroh pindaan, sa-balek-nya kesatuan dan pekerja² dalam negara kita tidak berpuas hati, fasal-nya basic issue of democracy tidak ada beri sama kerja dengan kesatuan².

(Dengan izin) I propose that a Royal Commission should be appointed by the Government and I do not think that we have had any Royal Commission in this country so far in respect of the labour laws. In many countries, especially in England, after many complaints from the trade unions, a Royal Commission was appointed to review all the

labour laws—to listen to the trade unions and workers and come out with positive recommendations. Today, Sir, I request the Government to consider the possibility of appointing a high-powered Royal Commission headed by distinguished personalities in this country to make suitable recommendations after consulting organised labour and various interested parties, so that the workers will be relieved from the long agony and anguish they are facing. The labour laws should reflect the progress and development this country is now making. We cannot go on with the old out-moded system of industrial relations and the concept of conciliation.

Undang² Buroh (Employment Ordinance) Seksi 60, ada berkata 8 jam kerja tiap² hari mesti majikan² beri sama kerja bagi orang itu. Kalau satu orang kerja lebeh daripada 8 jam, akan di-kira over-time. Majikan bila sudah nampak undang² baharu ini mana satu tempat yang orang kerja dekat 12 jam, majikan ada memberi gaji \$8, dia pechahkan gaji itu. Dia kata yang \$4 untok 8 jam kerja dan atas \$4 itu overtime. Bila pekerja beri laporan kepada Pegawai Kementerian Buroh, Kementerian Buroh tidak berani beri amaran kepada majikan itu untok siasat atas perkara itu. Kadang² ada daerah² kechil Pegawai Kementerian Buroh beri nasihat sama majikan macham mana boleh lari daripada undang² ini. Kesatuan kami sudah bawa banyak kali perkara ini beritahu sama pegawai² atas dalam Kementerian Buroh, tetapi pegawai² tiap² daerah kechil tidak ada ikut satu jalan yang beri justice sama pekerja².

Section 60 of the Employment Ordinance advocates 8 hours work. Those companies which were employing workers for 12 hours and so on have now splitted the wages to justify that the \$4 wage paid is for 8 hours work and the rest of the amount is overtime. We are in fact going to have one or two Civil Court cases. There is no need for a Union to go to the Civil Court. This is as a result of the ineffectiveness of the Department of Labour Enforcement Section, where the law is being misinterpreted by certain Officers at the District level and therefore the Union has been forced to go to the High Court to have a ruling.

Sir, this could have been avoided if we had a proper conciliatory system and a proper Enforcement Section which will work without fear or favour. At all times mistakes

made by the employers are excused, but mistakes made by the workers, in the interpretation of certain Labour Officers, cannot be excused.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi-kah Yang Berhormat—sudah 10 minit lebeh?

Tuan V. David: Tidak lama, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Satu minit!

Tuan V. David: Baik. Oleh itu, saya minta Kementerian Buroh menyiasat perkara ini dan saya minta lagi jangan lupa mengenai Royal Commission for the appointment of which I have called upon is urgent and important, especially in view of the 5-Year Malaysia Plan and also to give a new spirit and new look to the trade unions and workers of this country a Royal Commission should be appointed. I hope the Prime Minister will intervene in this matter and appoint this Commission as early as possible. Thank you.

Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (Lubok Antu): *(Dengan izin)* Mr Chairman, Sir, I wish to speak briefly on a few points on Head B. 39 and P. 39, from pages 289 to 296, regarding the estimated expenditure for the Ministry of Labour and Manpower for 1972.

Tuan Pengerusi: What page, Honourable Member?

Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong: Pages 289 to 296.

Tuan Pengerusi: Thank you.

Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong: I regret to note that there is no provision for a manpower survey for this year, especially in Sarawak, inspite of our constant calls to have such a survey done. Without this survey being done, Sir, how are we to know what type of labour we have in this country and where and when they are available and for what type of works? We will not know how much we will need to train in one given field of endeavours.

I, therefore, feel that a provision should be made to cover expenditure to conduct a manpower survey throughout the country this very year.

Furthermore, Sir, I wish to bring to the attention of this House the fact that there is a general lack of trained supervisory and management personnel in the industrial sector in East Malaysia, especially in Sarawak. Once

or twice a year, the Sarawak State Training Centre at Kuching conducts induction or in-service training courses for Government or semi-Government employees. What I wish to see is the setting up of a college for management by the Ministry where those freshly leaving schools at School Certificate or Higher School Certificate level can be recruited and absorbed by this college in Sarawak to cater for the needs of the East Malaysian States. One or two buildings at Tanjong Lobang in Miri or Batu Lintang in Kuching can be utilised as a separate Department for Labour Management and Industrial Supervisory Courses. This is to anticipate the Development growth and thereafter the consequent needs in years to come for East Malaysia. We constantly talk of gearing ourselves for the jobs to come under the current Development Plan. Once a Plan is under way, we often find we cannot complete some projects due to a lack of trained personnel. How do we expect to have trained personnel if we do not train them? And how can we train them if we have not set up the facilities to do so?

I, therefore, call upon the Government to give this suggestion its very serious consideration and proceed with the work this year. Thank you.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam B. 39 ini. Yang pertama saya memberi sokongan kepada Yang Berhormat Menteri di atas Kepala Bekalan yang dipohonkan seperti yang terkandung di dalam buku Bekalan ini, tetapi walau bagaimana pun, Tuan Pengerusi, oleh kerana ada-lah menjadi hasrat Kerajaan yang baharu yang ada sekarang ini untuk melihat supaya semua Jabatan² Kerajaan, semua kalangan swasta dapat menempatkan pegawai² dan kakitangan-nya yang boleh mencherminakan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbagai² bangsa seperti yang pernah ditegaskan dan di-amanatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita maka saya rasa di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin menyatakan rasa yang amat sedeh kepada Kerajaan mengenal dengan Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat ini kerana dari ma'alumat yang saya dapati bahawa dari jumlah sa-ramai 1,220 orang pegawai dalam tahun 1971 di dalam Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat ini tidak pun sampai 20% terdiri daripada pegawai² dan kakitangan dari kalangan bumiputra dalam negara kita

ini. Hal ini, Tuan Pengerusi, amat-lah menyedehkan dan tidak-lah salah kalau saya katakan di-dalam Dewan ini ini-lah sahaja Kementerian yang tidak mencherminikan kedudukan masyarakat yang berbilang bangsa dalam Malaysia ini. Dari peruntukan yang di-tunjokkan di-dalam buku ini pada tahun 1972 ini ada kemungkinan penambahan pegawai sa-ramai 307 orang lagi bagi men-chukupi angka 1,527 orang. Apa yang saya harapkan di-dalam penambahan pegawai² baharu ini sudi-lah apa kira-nya pehak yang berkenaan mengambil perhatian yang berat di-dalam usaha untuk meramaikan pegawai² dari kalangan bumiputra dudok di-dalam Kementerian yang berkenaan ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentoh bahagian latehan seperti yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, banyak nampak-nya mempunyai tujuan antara lain-nya bahagian latehan ini ada-lah bertanggung-jawab untuk melahirkan pekerja² yang mahir. Tetapi sa-jauh ini, Tuan Pengerusi, saya nampak dan dari apa chakapan yang pernah di-beri oleh Menteri di-dalam Dewan ini nampak-nya buroh² atau pekerja² yang mahir yang dapat di-usahakan oleh Kementerian ini juga amat menyedehkan bagi kalangan bumiputra kerana sudah-lah kalangan bumiputra ini tidak mendapat tempat latehan dari kalangan swasta tetapi dari latehan yang di-tadbirkan oleh Kementerian Kerajaan sendiri pun kedudukan kalangan bumiputra juga terchichir ka-belakang.

Saya telah di-minta oleh sa-tengah² pehak dari buroh bumiputra dalam sa-tengah² negeri untuk menyatakan di-dalam Dewan ini bahawa kaum buroh bumiputra ada-lah menaruh keperchayaan yang amat tipis kepada Kementerian ini di-dalam usaha untuk mendapat bilangan bumiputra yang banyak menjadi pekerja² yang mahir sa-kira-nya keadaan yang ada sekarang ini tidak di-buat suatu perubahan sa-chara yang agak lebeh berkesan.

Berhubung dengan masalah persamaan gaji antara buroh bumiputra dengan buroh yang bukan bumiputra di-mana² kilang, sama ada kilang yang baharu di-tubuhkan ada yang lama, saya nampak, Tuan Pengerusi, walau pun di-dalam Dewan ini

pehak Menteri yang berkenaan pernah memberi jaminan bahawa tidak ada penyelewengan, tidak ada penindasan kepada buroh bumiputra tetapi perkataan tidak ada itu, Tuan Pengerusi, hanya-lah di-dalam Dewan ini sahaja tetapi apakala kita pergi ka-tempat majikan perkara yang seperti itu memang ada. Jadi, ini-lah yang saya katakan, Dato' Pengerusi, hasrat atau perasaan sedeh yang di-hadapi oleh buroh bumiputra terhadap Malaysia ini. Kalau di-Pantai Barat ini atau kawasan² di-utara atau selatan tidak berlaku seperti yang saya kata itu barang-kali, tetapi yang amat sedeh di-Pantai Timor sendiri, Dato' Pengerusi, tempat yang agak 80% atau 90% terdiri-nya ra'ayat dari golongan bumiputra, tetapi golongan swasta mereka yang mengadakan perusahaan dan gedong² yang besar juga telah menjalankan penindasan. Jadi, kalau perkara yang seperti ini berlaku di-satu tempat yang ramai kalangan bumiputra saya khuatir, Dato' Pengerusi, kalau² terchetus satu keadaan yang amat kita tidak kehendaki berlaku di-dalam tanah ayer kita ini.

Di-tempat saya sendiri, Dato' Pengerusi, saya pernah melaporkan kepada pegawai di-Jabatan Buroh di-Negeri Trengganu tentang masaalah pekerja bumiputra di-kehendaki bekerja sa-lama 12 jam, tetapi pekerja yang bukan bumiputra bekerja yang sa-lama 8 jam, tetapi gaji pekerja yang bukan bumiputra yang bekerja hanya 8 jam itu lebeh mahal daripada gaji pekerja bumiputra yang bekerja 12 jam. Tetapi apakala di-laporkan kepada pehak Jabatan Buroh di-Kuala Trengganu, ia-itu ibu negeri, datang menyiasat sama-lah seperti yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari pehak Pembangkang tadi pegawai² daripada Pejabat Buroh hanya-lah masuk berjumpa dengan majikan sahaja. Mereka menerima segala ma'alumat yang di-berikan oleh pehak majikan hanya-lah sambil balek sahaja mereka berjumpa dengan buroh, kadang² sa-tengah², Dato' Pengerusi, di-panggil-nya buroh tadi dan di-tanya di-hadapan majikan itu—ta' kan-lah buroh sanggup memberi jawapan di-hadapan majikan-nya sendiri.

Dato' Pengerusi, satu perkara yang akhir sa-kali yang saya ingin menyatakan di-dalam Dewan ini bagi daerah saya, daerah Besut yang letak-nya sa-jauh 70 batu dengan Kuala Trengganu. Sudah dua tahun lama-nya saya menyatakan kepada pehak yang berkenaan sudi-lah apa kira-nya menetapkan sa-orang

pegawai untuk pendaftaran pekerjaan atau pun kalau tidak dapat di-letak sa-orang pegawai, di-tentukan satu hari dalam satu minggu atau dua hari dalam satu bulan hantar pegawai untuk daftar, untuk menerima pendaftaran pekerjaan kerana pemuda² yang menganggor, Dato' Pengerusi, untuk hendak mendaftar diri menchari pekerjaan terpaksa pergi 70 batu baharu dapat mendaftarkan diri, belum lagi dapat kerja. Jadi kalau macham ini perhatian yang di-berikan oleh Jabatan Buroh untuk menolong pemuda² yang menganggor, saya rasa amat-lah sedeh sa-kali.

Perkara yang akhir sa-kali, Dato' Pengerusi, saya minta di-dalam Dewan yang mulia ini bukan sahaja kepada Menteri yang berkenaan, tetapi saya berharap kepada pehak Kerajaan mula² daripada sekarang ini hendak-lah memberi pandangan yang berat dan hendak-lah menchadangkan suatu pemikiran sa-chara mendalam kepada Kementerian Buroh ini bagi menjamin keselamatan kaum buroh dalam negara Malaysia ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Dato' Pengerusi, saya ingin memperkatakan sedikit dalam perkara B. 39 ini sa-chara ringkas. Dato' Pengerusi, apa yang saya hendak sebutkan ia-lah tentang Lembaga Kemajuan Wang Perpindahan Malaysia, ia-itu yang bertugas untuk membawa pekerja² daripada Malaysia Barat ka-Malaysia Timor. Sa-hingga ini saya nampak banyak pekerja² di-hantar ka-Sabah, ia-itu anggaran yang di-buat bagi tahun 1971 ia-lah 1,200 orang.

Dato' Pengerusi, yang saya ingin mengingatkan pehak Yang Berhormat Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat tentang chara pemergian mereka di-biaya² oleh Lembaga ini dan kembali-nya demikian juga itu ada-lah baik, hanya yang saya khuatirkan sa-telah pekerja daripada Malaysia Barat itu di-hantar ka-Sabah di-dapati mereka berada di-sana tidak begitu memuaskan dengan beberapa sebab. Pertama, ia-lah kerana gaji yang di-beri kepada mereka di-sana tidak cukup berbanding dengan perbelanjaan atau pun taraf hidup yang ada di-Sabah. Dari segi kira-nya di-perbandingkan gaji di-sana dengan gaji yang ada di-Malaysia Barat ini yang mana pekerja buroh biasa di-beri gaji \$3, \$3.10 atau pun \$3.50

sedangkan di-sana sampai \$5 itu ada-lah baik, tetapi kalau di-nisbahkan dengan belanja di-sana yang begitu besar, roti chanai pun kalau ta' silap saya 30 sen. Jadi lebeh daripada bahagi dua, di-sini kita beli 10 sen, di-Sabah roti chanai-nya 30 sen. Jadi, erti-nya mereka menderita di-sana dan hendak balek ka-sini tentu-lah malu dan macham²-lah timbul perasaan itu.

Dato' Pengerusi, hal ini timbul sa-hingga ada sa-tengah² di-antara mereka yang terpaksa di-bantu oleh perajurit² kita yang bertugas di-sana. Ada askar² kita yang menghulorkan sedikit sa-banyak bantuan wang kepada pekerja² di-Malaysia Barat yang bekerja di-sana yang tidak menchukopi atau pun yang sengsara.

Dato' Pengerusi, saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat supaya mereka ini di-tempatkan di-tempat² yang lebeh baik sedikit dari segi gaji-nya dan juga dari segi tempat kediaman-nya. Saya dapat tahu dan dapat pengaduan sa-tengah di-antara mereka di-hantar betul² ka-hulu sa-hingga mereka ini ta' jumpa dengan bandar di-Sabah. Jadi ini mendukachitakan. Hal ini harus di-ambil perhatian kalau-lah di-hantar ka-hulu² Sabah sana sa-baik²-nya pehak majikan yang menerima mereka menjadi pekerja itu hendak-lah di-beri peluang kepada mereka berehat di-bandar, chuti dua hari-kah, atau pun empat hari-kah, itu ada-lah baik dengan di-beri bantuan tambang dan di-beri makan sedikit, sebab apa yang saya katakan begitu kalau di-berikan peluang berchuti empat hari, kata-lah yang dudok di-hulu² Sabah sana hendak pergi berehat di-Bandar Sabah di-mana tambang sahaja pun berbanding dengan gaji-nya pun terok, terlampau mahal. Jadi, kalau di-beri chuti empat hari dia ta' boleh berehat juga, sebab ta' cukup belanja. Jadi, kalau hendak beri berehat beri-lah mereka berbelanja sa-kurang²-nya belanja tambang-menambang dan berbelanja untuk rehat sa-lama beberapa hari di-bandar. Ini, Dato' Pengerusi, sa-benar-nya hendak mengadakan imej ra'ayat di-Malaysia Barat jangan-lah kawan² kita di-Malaysia Timor ada mengatakan bahawa saudara² di-Malaysia Barat ini pergi ka-sana menganggor menchari pekerjaan, minta pertolongan dan sa-bagai-nya, itu sungguh tidak sesuai sedangkan saya rasa dasar Lembaga Kemajuan Wang Perpindahan ini bukan

untuk menghantar penganggor, tetapi untuk mendapatkan muhibbah antara Malaysia Timur dengan Malaysia Barat.

Dato' Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya ingin menyebutkan tentang latehan perusahaan yang di-beri kepada orang² yang telah di-hantar oleh pehak swasta, atau pun pehak Kerajaan untuk berlateh di-tempat² latehan yang di-sediakan oleh pehak Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat ini. Latehan yang di-buat ini memang baik pada dasar-nya, sebab melahirkan orang² yang mahir dan di-tempatkan di-dalam beberapa tempat yang tertentu. Chuma yang saya ingin mengingatkan supaya latehan ini hendak-lah di-ambil juga daripada pehak negeri², ia-itu negeri² yang ada dalam Malaysia Barat ini, mithal-nya sa-buah negeri di-hantar 100 orang dan di-lateh oleh tempat latehan perusahaan itu.

Dato' Pengerusi, sa-lain daripada itu latehan yang di-beri ini hendak-lah benar² latehan yang bermutu. Saya tidak mahu latehan empat bulan atau pun latehan tiga tahun pada nama-nya chuma di-beri dua minggu, kemudian balek; kemudian saminggu balek, kemudian balek pula, kemudian di-keluarkan sijil atau pun certificate kepada mereka sedangkan mereka tidak begitu berkebolehan untuk membuat pekerjaan satu² benda yang di-anugerahkan certificate itu, itu tidak baik. Chuma yang saya minta supaya latehan yang di-beri benar² yang membolehkan mereka mengamalkan apa yang ada di-certificate mereka, jangan mereka dapat certificate tetapi dia tidak dapat membuat apa yang di-sebutkan mereka mahir itu.

Dato' Pengerusi, saya ingin menyebutkan juga tentang perhatian patut di-beri oleh pehak Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat kepada pekerja² yang bekerja dengan kontrakter² menebas, menebang dan memeron, membuat teres di-ranchangan² baharu Kerajaan. Ranchangan² baharu Kerajaan terdapat beribu² manusia yang bekerja. Di-sini sa-bahagian daripada mereka ada insuran, sa-bahagian daripada mereka ada EPF, sa-bahagian daripada mereka tidak ada. Dan banyak di-antara mereka berkerja dengan sa-chara konrek yang tidak tentu kerja 4 hari, berhenti; 3 hari, berhenti dan sudah-lah pendapatan mereka itu sa-bagaimana di-suarakan oleh beberapa orang Ahli Dewan ini tadi hanya

\$2, \$2.50 atau kadang² \$1.50 sahaja, sudah-lah begitu tambahan pula insuran atau pun EPF-nya, segala keistimewaan-nya tidak ada di-berikan oleh pehak majikan atau pehak yang menjalankan perusahaan itu. Saya harap pehak Yang Berhormat Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat mengambil perhatian hal ini sa-benar²-nya.

Dan akhir-nya sa-kali saya ingin sebutkan ia-lah tentang daftar di-Pejabat Buroh yang saya dapati satu, banyak orang daftar di-Pejabat Buroh tetapi kerja-nya tidak dapat. Saya harap jadi-lah cherita sa-macham ini daftar di-Pejabat Buroh beribu², tetapi yang dapat kerja melalui Pejabat Buroh tidak ada. Saya harap jadi-lah cherita macham ini malu juga Yang Berhormat Menteri kita ini dan saya pun juga turut malu sama. Terima kaseh.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Pengerusi, saya menguchapkan berbanyak² terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang memberi pandangan atas beberapa perkara kepada Kementerian saya. Bagi menjawab satu persatu, Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara minta fasal gaji murah. Perkara ini telah pun sudah saya jawab atau pun rakan saya pun sudah jawab di-dalam Dewan ini dan jika perlu kita boleh adakan satu Commission of Inquiry—adakan siasat mana industry kita ada minimum wages.

Meminta pekerja² recruit daripada Employment Offices ini ia-lah macham mana saya sudah beri keterangan di-dalam Dewan ini. Pejabat kita ia-lah satu ejensi di-mana kita daftar nama dan beri tahu kepada majikan jikalau majikan minta, bukan kita buat satu recruiting agency, bukan create job itu.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kampar, di-sini dia kata pegawai² daripada Kementerian masok ka-office manager sudah tidak jumpa dengan pekerja². Jadi, ini saya perchaya dia tidak tahu procedure macham mana kita bekerja, dan tuduhan-nya itu tidak betul. Jadi bila kita dapat komplek, kita jumpa dua² belah pehak. Kalau kita pergi satu tempat memang pada mula kita pergi ka-pejabat dan kita berjumpa pegawai di-pejabat, kemudian kita jumpa pegawai² trade union atau pun workers organisation. Kalau tidak jumpa majikan, kalau kata kita

side majikan, nanti Pembangkang kata officer tidak betul, ini chari publicity murah sahaja.

Killinghall Tin Mine dan Hong Kong Tin Mine, perkara ini saya sudah pun siasat dan saya dapat tahu ini di-sebabkan oleh retrenchment due to redundancy. Jadi bagi pihak union sama majikan sudah pun berunding atas perkara ini dan kedua² pihak sudah bersetuju atas perkara tersebut.

Ahli Yang Berhormat itu juga berkata Industrial Court tidak ada procedure ini tidak betul. Industrial Court ada chukop procedure yang dia jalankan dalam court itu.

Ahli Yang Berhormat itu kata trade union sudah kurang. Memang saya sedar trade union ada kurang sekarang, bukan fasal Undang², tetapi banyak trade union yang kecil sudah amalgamated menjadi union yang besar, ini satu perkara yang kita mesti welcome, atau pun kita mesti beri peluang kepada union² yang kecil ini menjadi satu union yang besar.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat juga berkata fasal minimum wages.

Mr Chairman, Sir, while organised workers are thinking in terms of bettering their interests, I think the Government has a duty to look after those who have not any wages at all. We have a number of people who have no employment. We have a number of those who do not have anything for the next day, and it is the duty of Government to see that we create a climate whereby more job opportunities would be created for those who are not in employment yet; at the same time to see how best we can improve the conditions of service and terms of service for those who are already in employment. This is what we are doing.

Berkenaan dengan Royal Commission, Tuan Pengerusi, ini tidak payah pada masa sekarang. Dalam Dewan ini baharu kita meluluskan amendment to the Industrial Act dan kita beri peluang Industrial Act ini dan kita boleh timbang bila masa kita kehendaki.

Berkenaan dengan section 60 Employment Ordinance, jikalau Yang Berhormat itu boleh beri specific cases, kita boleh siasat. Tetapi dia ada berkata dia pergi ka-Civil Court, saya perchaya kalau dia boleh pergi ka-Civil Court, boleh mendapat decision, itu pun bagus, kita boleh test Undang² kita sendiri sama ada betul atau tidak.

Menjawab Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu, pada masa sekarang satu manpower survey team nanti akan pergi ka-Sarawak (team yang kecil)—dengan kerjasama daripada E.P.U. dan State Government untuk survey manpower bagi potential di-Sarawak. Sebab satu training institute berada di-tempat sana untuk memberi peluang kepada orang² sana bagi mendapatkan latihan, pada masa sekarang ini kita sudah reserve di-beberapa tempat di-pusat latihan di-Kuala Lumpur dan State Government Sarawak sudah pun menghantar beberapa orang datang ka-sini.

Menjawab Ahli Yang Berhormat dari Besut, saya dukachita Ahli Yang Berhormat itu shak Kementerian Buroh satu tempat dimana kita tidak berapa ingat kepada orang² bumiputra. Dia kata, dia tengok daripada officers ia-lah ada 20% sahaja terdiri daripada orang² bumiputra.

Saya pun jikalau 20 peratus atau pun 30 peratus, kita pun tidak kira berapa peratus. Jikalau berapa peratus ada pun bukan-lah tanggung-jawab itu daripada Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat, tetapi ia-lah tanggung-jawab P.S.C. Jadi kata Ahli Yang Berhormat itu terpulang kepada Kementerian Buroh, itu pun barangkali saya chakap kepada Ahli Yang Berhormat itu, dia tidak faham Government machinery.

Lagi satu saya hendak chakap di-sini officers daripada Kementerian Buroh daripada apa kaum pun ada chukop national minded, tidak ada ingat apa kaum dan saya boleh berjanji di-dalam Dewan yang mulia ini officers di-dalam Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat ada-lah ingat kepada semua ra'ayat daripada semua tempat dan menolong kepada semua penduduk² lebeh² lagi ra'ayat kita yang susah di-luar daripada bandar. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu boleh beri contoh di-mana ada perbezaan dengan satu kaum atau pun lain in wage rate, saya boleh berjanji kita mesti siasat perkara itu.

Registration of workers di-Besut macham mana Ahli Yang Berhormat dari Dungan kata, kalau kita daftar nama di-Besut sudah dapat dua tiga ribu kalau tidak dapat kerja, nanti Ahli Yang Berhormat dari Besut kata dalam Dewan ini kerja tidak boleh dapat. Jadi itu pun kita hendak fikir. Tuan Pengerusi, kita mesti create employment dan kita

mesti tahu tempat itu sama ada berkehendakan kegunaan employment office kita. Oleh itu dalam Second Malaysia Plan, kita buat infrastructure yang mana kita boleh gunakan tenaga manusia di-seluruh negara kita bukan sahaja di-dalam kawasan Ahli Yang Berhormat itu, tetapi seluruh tempat mana² ada orang² yang menchari kerja.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Ada-kah Menteri bersetuju supaya pemuda² yang menganggor itu mengeluarkan wang tambang untuk pergi 70 batu mendaftar, mendaftar untuk menchari kerja, bukan untuk dapat kerja. Ada-kah ini tidak ada timbang rasa daripada Kementerian Buroh?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Pengerusi, saya sedar tetapi apa yang kita susahkan ia-lah sa-sudah mendaftar kita bagi dia false hope, kita tidak mahu nanti Ahli Yang Berhormat bila dalam Dewan ini kata Kementerian Buroh sudah daftar pun berapa ribu orang belum bagi kerja. Itu pun kita hendak jaga. Jadi belum kita daftar, kita hendak tentukan kita chari majikan. Jadi sunggoh pun begitu, saya mahu beri arahan kepada pegawai² kita macham mana kita boleh selesai atau pun menolong penduduk² di-tempat sana.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Dungun, saya sedar di-Sabah memang harga barang² ada lebeh sedikit daripada di-sini, tetapi saya pun sedar jikalau pekerja² kerja lebeh sedikit, dia dapat lebeh daripada apa yang mereka dapat di-sini pun. Saya sedar tempat di-sana lebeh hulu daripada tempat di-sini, tetapi sunggoh pun begitu ada majikan buat beberapa facilities bagi pekerja². Jadi pegawai² saya pun ada juga pergi tengok tempat dan bila orang² ini dapat chukop skill, dapat chukop mahir dan juga mendapat gaji yang chukop.

Jadi ini-lah, Tuan Pengerusi, saya dengan ringkas bagi menjawab soal² yang di-bawa oleh Ahli² Yang Berhormat dan sa-kali lagi saya mengucapkan banyak² terima kasih kepada semua Ahli² yang beri pandangan. Tetapi apa yang saya hendak chakapkan di-sini, saya hendak beritahu kepada semua Ahli² Yang Berhormat di-sini there is no short cut to progress, kita mesti-lah kerja dengan bersunggoh² siapa pun baik, sama ada dia pekerja atau pun dia officers. Saya tahu saya dapat komplek daripada P.S.C. di-dalam last exercise. Banyak pegawai² yang

masuk kerja dia terima akuan mahu dapat kerja, tetapi bila sudah dapat appointment letters, dia sudah pergi chari lain kerja. Jadi ini kita susah sedikit. Jadi kalau Ahli² Yang Berhormat yang membawa komplek ini boleh menolong sedikit, Kementerian pun boleh ucapkan terima kasih.

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10,595,000 untuk Kepala B. 39 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 40 hingga B. 46—

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk berucap mengenai anggaran belanjawan Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan—Kepala B. 40 dan Jabatan² di-bawah jagaan Kementerian saya, ia-itu Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong—Kepala B. 41, Jabatan Perkhidmatan Bomba—Kepala B. 42, Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara—B. 43, Jabatan Kimia—Kepala B. 44, Jabatan Pertahanan Awam—Kepala B. 45 dan Jabatan Perchetakan—Kepala B. 46.

Tuan Pengerusi, oleh masa sudah singkat ta' perlu-lah saya jelaskan lebeh panjang berkenaan dengan perbelanjaan ini kerana itu pun ada di-jelaskan dalam buku ini jadi lebeh baik-lah saya mengambil perhatian apa² yang di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara): Dato' Pengerusi, saya bangun untuk menyokong bekalan bagi Kementerian ini dan saya mengambil peluang mengucapkan sa-tinggi tahniah kepada Menteri ini yang telah pun berusaha dengan jaya-nya menjadikan Perbandaran Kuala Lumpur sa-bagai sa-buah bandaraya. Dato' Pengerusi, apa yang saya ingin berchakap berkait dengan penubuhan bandaraya ini ia-lah mengenai perselisihan faham di-antara beberapa orang yang menjadi ahli tawarikh mengenai bandaraya ini. Ada saya terbaca dalam surat khabar Inggeris mengatakan yang mula sa-kali membangunkan atau pun membenakan bandaraya ini ia-lah sa-orang Kapitan China bernama Yap Ah Loy. Dan saya baca riwayat daripada Tuan Haji

Buyong Adil mengatakan Kuala Lumpur ini mula²-nya di-pugar oleh Raja Abdullah bin Raja Ja'afar.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya berharap pihak Kementerian ini akan siasat dengan sa-benar²-nya siapa yang mula² sa-kali meneroka atau memugar bandar Kuala Lumpur ini dan saya berharap supaya di-bena sa-buah tugu peringatan kepada orang yang mula² sa-kali memugar dan menjayakan Bandaraya ini.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, Bandaraya ini ada-lah di-bawah kuasa Kerajaan Pusat dan saya berharap Fasal 153 di-dalam Perlembagaan itu di-laksanakan dengan sa-penoh²-nya: mengenai quota mengeluarkan lesen², permit² dan juga kemudahan yang lain bagi orang² Melayu mengambil bahagian dalam perniagaan dan juga perusahaan di-dalam bandar ini. Kira-nya di-adakan quota yang sa-demikian itu saya perchaya banyak lagi orang² kita yang boleh ambil bahagian dalam perniagaan dengan di-asoh dan di-tunjak ajar oleh pihak yang berkenaan, kalau dapat di-majukan dalam lapangan perdagangan dan perusahaan.

Yang ketiga, Dato' Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan pengambilan pekerja² atau kaki-tangan Bandaraya ini. Saya berharap pihak yang berkenaan akan mengikut quota juga, supaya di-beri lebih lagi jawatan² kepada anak² bumiputra berkhidmat di-Bandaraya ini, akan mencherminikan sa-bagai sa-buah Bandaraya, merupakan berbagai² keturunan dan berkhidmat ka-arrah kemajuan.

Yang ke-empat, Dato' Pengerusi, berkenaan dengan Wali Kota atau pun Mayor. Jadi, saya berharap-lah kepada pihak Kementerian ini pada masa hadapan kalau hendak di-lantek sa-orang Wali Kota atau Mayor ini mesti daripada orang yang berjasa kepada negara. Boleh-lah kita pilih daripada bekas Menteri mithal-nya, bekas Yang di-Pertua Dewan Negara, atau pun bekas Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat, atau pun bakal Gabenor kepada mana² Negeri. Ini ada-lah satu chara yang baik, sebab jikalau kita lantek orang yang bebas macham ini dapat-lah orang ini atau Wali Kota ini memerhati pentadbiran Ibu Kota itu dengan baik dan terator. Kalau tidak maka tentu tidak begitu memuaskan. Saya berharap-lah perkara ini akan di-ambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, saya berchakap berkenaan dengan B. 43, muka 310—Perkhidmatan Perpustakaan Negara. Jadi, saya berharap perkhidmatan ini akan dapat di-segerakan dengan sa-chepat mungkin kerana sangat perlu di-adakan sa-buah perpustakaan dan daripada perpustakaan ini, daripada pusat ini dapat-lah di-salurkan buku² yang dapat kita terima daripada mana² negara, daripada mana² badan, kapada peringkat negeri dan sa-terus-nya kita adakan sa-hingga ka-peringkat daerah. Dengan ada-nya perpustakaan pada ketiga² peringkat ini dapat-lah memberi peluang kepada anak² warganegara kita yang chenderong, yang hendak mendapatkan ilmu pengetahuan yang lebih supaya menjadi modal kapada-nya, mudah²an warganegara kita akan mendapat banyak lagi cherdak pandai untuk membena negara kita. Sekian-lah, Dato' Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian di-dalam perbahathan berkenaan dengan Kepala B. 41, berkenaan dengan Peranchang Kegunaan Tanah, Peranchang Penempatan, dan Peranchang Kawasan Bandar dan Pembangunan sa-mula Kawasan Bandar. Dan oleh sebab perkara² ini ada-lah sangat teknikal, saya minta izin daripada Tuan Pengerusi, untuk saya beruchap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Sir, the present Master Plan for Kuala Lumpur is deficient in content, poor in imagination and grossly lacking in vision. It does not inspire, nor does it show how Kuala Lumpur could really be developed into an efficient city, one that would satisfy all the needs of a great Capital City.

It is futile to promulgate City status at great cost and fanfare when all the problems associated with life in Kuala Lumpur are not being resolved: the acute shortage of employment opportunities; the intractable hawker problem; the incredible traffic congestion for a small city of only half a million people; the non-existence of an efficient public transportation system; the poor bus service; the acute housing shortage for the lower income group; the congestion of living conditions in the heart of the city; the poor drainage system which invariably leads to flooding with the smallest shower; the grossly deficient open space network; the lack of

green lungs; the many unmade, unrepaired roads, side lanes and back lanes; the absence of a thriving city centre to act as a civic corps of Kuala Lumpur; the absence of a city library, art gallery and national theatre; the lack of shade trees and flowers to soften the harshness of city life; the total disregard for pedestrian movement and safety due to a very poor network of pedestrian walks, plazas and squares—altogether a bad job.

I hope, Sir, that the new Minister will look into all these problems. He has already agreed with me at the last session of Parliament that the present Master Plan is not good enough. What we want to know, Sir, is when a better, more comprehensive Master Plan will be prepared. I would like to know also what has happened to the United Nations Antolic Report for Kuala Lumpur and the Klang Valley and also the Transportation Study prepared about five years ago at a fee of close to \$1 million. All these vital reports have still not been published though they are frequently quoted as town planning and traffic Bibles on all matters relating to our Capital City. I call upon the Government to release these Reports forthwith and to invite all the architects, town planners and engineers in this country to take part in a nation-wide competition for a new Master Plan for Kuala Lumpur. Not only in Kuala Lumpur, Sir, but town planning throughout the whole length of our country is scandalously inadequate. There is, firstly, no national plan for land use; secondly, no regional plan; and, thirdly, no proper plan for all the towns and kampongs in Malaysia.

This failure is due to two reasons; firstly, the ignorance shown by Government on the importance of town and regional planning for the last 14 years since Merdeka. Secondly, a lack of trained town and regional planners. These two deficiencies must be rectified and I would like to hear what steps the Minister intend to take towards this end. I would recommend also, Sir, that legislation be enacted to compel every local council area to prepare an up-to-date land use plan and to adopt a uniform set of building bye-laws.

At present every council has got its set of laws, some of which are obsolete, irrelevant and down right bad in terms of modern architectural design. Then again, Sir, the

painful delay in obtaining planning and building approval in Kuala Lumpur and other local council areas. Kuala Lumpur, which is supposed to be the show-piece of Malaysia, has got a set of bye-laws which discourages development, slows down the granting of approvals and gives developers and architects unnecessary work and at great cost. To apply, Sir, for development, for instance, an architect must submit on behalf of his client complete sets of building plans and even going to the extent of obtaining all the particulars relating to neighbouring lots and must also seek their approval even to build a house or add a new partition to his house. All these just to get an idea whether the Kuala Lumpur Municipality (now City) would approve in principle the kind of development envisaged. This unnecessary bureaucratic requirement should be removed.

Sir, one last point which I would like to bring out is the Commission of Enquiry which was set up to investigate into the collapse of the Jalan Raja Laut flats a few years ago in which a few lives were lost. The Commission has sat, a few years have passed and up-to-date we still have not received the full report of this Commission of Enquiry. I say, Sir, that the public interest must be protected and it is essential that legislation be enacted to ensure that proper standards of building construction be achieved and that contractors be classified and registered to ensure that they have the necessary experience and qualifications to put up building structures in the heart of our City. As time goes by and as buildings get bigger and taller, the danger of collapse from these massive structures is real and pressing, and I would recommend to Government that the sooner legislation is passed in regard to this matter the better would public interests and safety be safeguarded. Thank you.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (Kapar): Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh Kepala B. 40 ia-itu berkenaan dengan Pusat Piawaian Malaysia. Pusat ini telah di-tubuhkan dalam tahun 1966 lebeh kurang 5 tahun dahulu. Dalam masa yang lama itu kita telah tidak tahu apa-kah yang telah di-buat oleh Pusat itu. Jadi supaya dapat saya menerangkan dan memberi chontoh di-sini, saya suka-lah berchakap dalam bahasa Inggeris dan juga dalam bahasa Malaysia supaya dapat menerangkan lebeh lanjut lagi.

Pertama sa-kali satu contoh ia-lah berkenaan seat belts dan protective helmets. Perkara itu telah di-siarkan di-dalam akhbar *Straits Times* pada 15-9-1967. Pada 18-1-1968 *Malay Mail* mengatakan: "specifications of the protective helmets to be worn by motorists are expected to be published next month."

Kita dapat lagi laporan dalam bulan Oktober, 1968 dalam *China Press* mengatakan: "SIM to issue certification mark on crash helmets and safety belts next year."

Dalam tahun itu juga ia-itu dalam bulan Disember, *Nanyang Siang Pau* telah menyatakan: "crash helmets to be issued by March next year—after June for safety belts."

Jadi nampak-nya lepas sa-tahun ka-satahun dan lama kelamaan "SIM expects to issue its first certificate for local products in August" ia-itu yang bertarikh 29-4-1970 dalam akhbar *Straits Times*.

Kita ta' tahu apa kedudukan-nya pada masa ini. Jadi supaya memendekkan perbahathan saya ini, saya suka-lah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberi tahu tentang kejayaan² yang sa-benar-nya yang telah di-chapai mengikut tujuan² yang terkandung dalam muka 519 Kertas Perintah 48 tahun 1971. Berapa Standard Institute Malaysia telah di-luluskan dan di-chetakkan? Berapa banyak lesen yang di-keluarkan, membenarkan pemakaian Tanda Pengesahan Piawai dan ketiga berapa pengusaha² telah masuk SIM menjadi subscribing members?

